



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani—Kebenaran [Ruangan 11129]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11129]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 11178]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Racun (Pindaan) [Ruangan 11179]

USUL:

Akta Acara Kewangan 1957—

Menambah Butiran Baru “Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia”, dan “Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut”
[Ruangan 11221]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI**, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ **TUAN BERNARD GILUK DOMPOK**, P.G.D.K. (Penampang).
- „ **TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS** (Simunjan).
- „ **DR CHEN MAN HIN** (Seremban).
- „ **TUAN CHEW KAM HOY**, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI** (Bukit Mertajam).
- „ **TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU** (Tawau).
- „ **TUAN CHUA JUI MENG** (Bakri).
- „ **DR V. DAVID** (Puchong).
- „ **TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS**, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ **DR ENG SENG CHAI** (Petaling Jaya).
- „ **TUAN FUNG KET WING** (Sandakan).
- „ **TUAN GERARD MATH LEE MIN**, A.S.D.K. (Gaya).
- „ **TUAN GHAZALI BIN AHMAD**, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ **DR GOH CHENG TEIK** (Nibong Tebal).
- „ **TUAN GOOI HOCK SENG** (Bukit Bendera).
- „ **TUAN HASHIM BIN SAFIN** *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ **TUAN HSING YIN SHEAN** (Tanjong Aru).
- „ **TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB**, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ **TUAN HU SEPANG** (Rasah).
- „ **TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI** (Pasir Mas).
- „ **TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN** (Kuala Nerus).
- „ **TUAN ISMAIL** *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ **TUAN JAWAH ANAK GERANG** (Lubok Antu).
- „ **TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA** *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ **TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT** (Ulu Rajang).
- „ **DATUK KADOH AGUNDONG**, P.G.D.K. (Padas).
- „ **DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD**, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ **TUAN R. KARPAL SINGH** (Jelutong).
- „ **TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK** (Serian).
- „ **TUAN LAU DAK KEE** (Pasir Pinji).
- „ **TUAN LAW LAI HENG** *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

- Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
„ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
„ TUAN P. PATTO (Ipoh).
„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).
„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
„ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
„ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat **TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).**

- „ **DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).**
- „ **PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).**
- „ **DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).**
- „ **DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).**
- „ **TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 13hb Oktober, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA**

**CUTI Y.B. DR ABDUL HADI
DERANI—KEBENARAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dr Abdul Hadi Derani bagi kawasan Kota Setar dari 12hb Oktober hingga 20hb November, 1987.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**SAHAM SYARIKAT TELEKOM
MALAYSIA**

1. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Syarikat Telekom Malaysia telah atau akan menjual sahamnya kepada umum yang berminat dan berapakah harga satu saham.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan pindaan Akta Telekomunikasi 1985, Jabatan Telekom Malaysia telah diperbadankan sebagai Syarikat Telekom Malaysia Berhad dan ia bermula beroperasi pada 1-1-87.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa ianya dimiliki 100% oleh Kerajaan Malaysia dan untuk 10 bulan yang lalu ini Syarikat Telekom Malaysia sedang berusaha untuk menyesuaikan Jabatan Telekom Malaysia kepada sebuah syarikat sama ada dari segi mutu perkhidmatan, pengurusan ataupun dari segi kewangan. Jadi, harapan Kerajaan ialah pada masa yang sesuai nanti Syarikat Telekom Malaysia ini akan disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan saham itu akan dibuka kepada masyarakat awam untuk membelinya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa dua halangan yang menjejaskan persaingan Syarikat Telekom Malaysia ke atas pasaran saham? Dua halangan itu ialah yang pertama, sumber kewangan kerana sekarang diswastakan, STM tidak dapat mendapati pinjaman dari bank dengan senang lagi untuk menjaminkannya dan keduanya halangan itu ialah masalah dengan "turnkey" kontraktor oleh kerana harga kontrak mereka adalah tinggi dan ini meninggikan juga kos untuk memberi perkhidmatan dan pasangan

telefon juga. Kedua halangan ini harus diselesaikan. Adakah benar itu, dan jika ia, apakah tindakan dan dasar akan dirumuskan untuk menyelesaikan masalah ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi bahawa Syarikat Telekom Malaysia perlu mengambil kira dalam soal kewangan supaya satu hari nanti ia menjadi satu syarikat yang bermakna untuk disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan menarik untuk pihak masyarakat awam membeli saham. Jadi, apa juga masalah yang dihadapi adalah perkara biasa, sama ada berkaitan dengan kesanggupan Kerajaan Malaysia untuk memberi jaminan ataupun tidak. Ini merupakan masalah-masalah perniagaan yang sewajarnya diatasi oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca bil-bil telekom sekarang yang sudah jadi satu syarikat swasta berhad, tetapi untuk sementara waktu ini syarikat ini atas nama siapa?

Kedua, kalau dibuka saham, bolehkah semua orang rakyat Malaysia membeli saham atau satu bahagian masyarakat kita sahaja boleh membeli. Harap beri keterangan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Mengenai perkara yang kedua, hasrat Kerajaan apabila disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, maknanya terbuka kepada sesiapa juga berdasarkan kepada peratusan yang hendak dibuka oleh pihak Kerajaan kepada masyarakat umum.

Mengenai masalah bil, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa Syarikat Telekom Malaysia sedang berusaha berdasarkan kepada keupayaan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan sama ada dari segi keupayaan tenaga kerjanya, dari segi disiplin dan sebagainya dan juga dari

segi teknologi yang terbaru, yang berupaya oleh pihak STM membekalkan supaya masalah-masalah seperti bil-bil itu dapat diatasi dengan lebih sempurna lagi pada masa-masa yang akan datang.

PETRONAS—PEMBINAAN SALURAN PAIP GAS

2. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh PETRONAS mengenai projek pembinaan saluran paip gas Malaysia dari Terengganu ke Johor Bahru dan Singapura.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang telah dicapai bagi kerja-kerja pembinaan saluran paip gas dari Terengganu ke Johor Bahru sejauh 453 kilometer di bawah Projek Penggunaan Gas Semenanjung Fasa II adalah seperti berikut:

- (i) hampir kesemua tanah (98.5%) yang diperlukan bagi laluan paip telah diperolehi;
- (ii) secara keseluruhan, kerja-kerja penyediaan tapak laluan paip telah siap sebanyak 49.1%. Daripada itu, 85.3% daripada kerja-kerja pembersihan dan penyiapan tapak dari Terengganu ke Segamat telah siap dilaksanakan, sementara bagi laluan dari Segamat ke Johor Bahru kira-kira 13% dari kerja-kerja tersebut telah pun siap;
- (iii) PETRONAS telah pun melantik Juruperunding Pengurusan dan Pengawasan Projek pada 6hb Disember, 1986 dan kerja-kerja rekabentuk dan kejuruteraan asas telah pun selesai 100%.

- (iv) Kontraktor-kontraktor yang layak bagi kerja-kerja kejuruteraan, perolehan dan pembinaan saluran paip telah pun disenaraipendekkan dan dipelawa mengemukakan tender yang akan ditutup pada 13hb Januari, 1988;
- (v) Penilaian tawaran pra-kelayakan sedang dibuat ke atas kontraktor-kontraktor bagi kerja-kerja berikut:
- (a) sistem pengawasan dan pengumpulan data;
 - (b) stesen kompressor dan jangkaan;
 - (c) pembekalan paip;

Keputusan mengenai tawaran kerja-kerja itu dijangka akan dibuat sedikit masa lagi.

Mengenai saluran paip dari Johor Bahru ke Singapura pembinaannya masih belum dapat dipastikan setakat ini. Ianya bergantung kepada keputusan rundingan penjualan gas dengan pihak Singapura.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar negeri Singapura sedang berbincang dengan sebuah negara lain berkaitan dengan pembekalan gas ke negeri itu dan jika perkara tersebut berlaku negeri kita boleh menghilangkan hasil yang begitu besar daripada negeri Singapura. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengelakkan perkara tersebut?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya, dan pihak Kerajaan dan juga pihak yang berkuasa Kerajaan Singapura sedang meneruskan rundingan mengenai perkara ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah anggaran perbelanjaan untuk projek

tersebut? Setakat ini berapakah syarikat atau bolehkah namakan senarai syarikat yang telah menyertai tender ini atau yang ada memohon untuk menjadi kontraktor?

Soalan ketiga, apakah kriteria yang digunakan untuk memilih kontraktornya?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama mengenai nilai anggaran adalah lebih kurang 1,300,000. Kriteria untuk memilih kontraktor adalah mengikut garis panduan yang telah pun disediakan dan Juruperunding yang telah dipilih oleh Kerajaan iaitu Novacorps. Mengenai senarai kontraktor-kontraktor yang telah dikenalpasti ataupun disenaraipendekkan untuk mengambil bahagian dalam kontrak ini, nama-nama itu tidak ada dengan saya, saya minta notis.

MENDERHAKA KEPADA RAJA— TINDAKAN KERAJAAN

3. **Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap rakyat yang menderhaka kepada Raja kerana mempersoalkan perkara-perkara sensitif seperti yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

Perkara 181—

- (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Raja-raja dan hak kedaulatan, kuasa dan bidangkuasa Pemesar-pembesar Memerintah Negeri Sembilan dalam Wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tidak tersentuh.

- (2) Tiada apa-apa pembicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja—bagi sesuatu Negeri atas sifat dirinya sendiri.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghaffar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang boleh diambil adalah bergantung kepada hasil penyiataan polis terhadap apa yang sebenarnya telah dikatakan atau dilakukan dan apakah hal-hal keadaan dalam masa perkara itu dikatakan atau dilakukan oleh orang yang dikatakan telah menderhaka kepada Raja.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan memberitahu adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Tribunal Raja-raja seperti yang dicadangkan oleh bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman di mana Tribunal ini boleh membicarakan perkara-perkara tentang Raja-raja di Malaysia.

Tuan Abdul Ghaffar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada kena mengena dengan soalan asal.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, ada tindakan-tindakan yang boleh diambil berasaskan laporan yang dibuat oleh Polis seperti yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri jika terdapat rakyat melakukan perkara ini. Apakah tindakan Kerajaan jika terdapat pemimpin pula yang melakukan dan memperkecilkan mengenai institusi beraja ini?

Tuan Abdul Ghaffar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, laporan Polis terpaksa diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk kajian dan terpulang kepada Peguam Negara untuk menimbang dan mengambil tindakan.

Tuan P. Patto: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hashim bin Safin.

(*Soalan No. 4 Y.B. Tuan Hashim bin Safin tidak hadir*).

AKTA PELAJARAN 1961—KAJIAN SEMULA

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau akan menghentikan pengkajian semula Akta Pelajaran 1961 yang dijalankan selama setahun ini oleh sebuah Jawatankuasa Kerajaan, dan menubuhkan sebuah Jawatankuasa perwakilan yang mengandungi ahli-ahli dari berbagai aliran bahasa dan pendidikan agar memastikan kerja permulaan pengkajian semula itu mencerminkan satu konsensus kebangsaan yang seberapa luas yang boleh supaya menentukan bahawa terdapat keyakinan penuh dalam pengkajian semula Akta tersebut.

Timbalan Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menghentikan pengkajian semula Akta Pelajaran 1961 yang sedang berjalan sekarang dan oleh itu cadangan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa lain tidak timbul.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan telah mengatakan bahawa kajian semula tentang Akta Pendidikan sedang dijalankan oleh Kementerian beliau. Jadi saya hendak tahu sama ada dalam proses mengkaji semula memandangkan bahawa pendidikan merupakan satu tajuk yang mustahak kepada semua pihak terutama sekali ibu bapa di tanahair kita, sama ada Kementerian akan menentukan

bahawa pendapat-pendapat daripada pihak-pihak yang berkenaan, ibu bapa, pendidik-pendidik dan persatuan-persatuan yang ada kepentingan tentang pendidikan sama ada konsultasi secara luas akan dibuat oleh Kementerian beliau.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, selain dari sumbangan atau input yang diterima daripada bahagian-bahagian di Kementerian Pendidikan dan daripada Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri, Jawatankuasa juga telah menerima cadangan-cadangan dan resolusi-resolusi mengenai Akta Pelajaran 1961 ini daripada badan-badan bukan dalam Kementerian Pendidikan juga dan mana-mana badan yang telah mengemukakan cadangan-cadangan mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan kenapa jawatankuasa ini memerlukan masa yang begitu panjang, sudah lebih satu tahun sejak ia ditubuhkan untuk mengkaji Akta tersebut. Kedua, adakah Kerajaan sedar bahawa satu Jawatankuasa yang tidak begitu, dengan izin, representative di mana ada wakil daripada semua lapisan/bidang, tentulah laporannya, perakuannya mungkin tidak akan diterima oleh kalangan orang ramai dan mungkin pun akan mencetuskan lagi satu krisis pelajaran. Bukankah lebih elok jika diadakan satu jawatankuasa yang akan mengkaji Akta Pelajaran itu di mana semua lapisan, semua bidang, ada diwakili.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa yang telah ditubuhkan itu adalah melibatkan pegawai-pegawai dalam Kementerian dan juga kita mengirakan dari segi bidang-bidang tugas yang telah diberikan dan perkara-perkara yang berkaitan untuk dikaji semula itu.

SYARIKAT K & I—PERMIT MENANGKAP IKAN

6. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pertanian menyatakan lengkap dengan butir-butir sebab-sebabnya Syarikat Perindustrian K & I Sdn diberi izin berusahasama dengan Syarikat White Star dari negara Thailand dalam projek kerjasama perikanan. Mengapakah dalam projek perikanan lautan dalam ini nelayan-nelayan tempatan dianaktirikan. Adakah ahli-ahli politik yang memiliki kepentingan dalam projek ini secara langsung dan secara tidak langsung.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, Syarikat K & I Sdn Bhd telah diberi permit menangkap ikan oleh kerana Syarikat ini adalah syarikat tempatan. Syarikat ini hanya bekerjasama dengan Syarikat White Star (M) Sdn Bhd di dalam bidang pemasaran ikan sahaja. Nelayan-nelayan tempatan tidak dianaktirikan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat oleh kerana sejumlah 356 unit lesen tersebut telah diluluskan kepada mereka setakat ini.

Mengenai soalan yang akhir itu, jawapannya tiada.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah jaminan yang dijamin oleh Syarikat White Star ini yang mereka akan mengikuti semua peraturan-peraturan yang sedia ada pada perjanjian yang ditandatangani itu, sebab sebaiknya perjanjian itu ditandatangani, beberapa peraturan telah pun dilanggar oleh Syarikat ini dan beberapa masalah telah pun disuarakan oleh NEKMAT.

Saya ingin tahu dengan cara apakah yang dapat Kerajaan menjamin peraturan-peraturan yang ada dalam

perjanjian itu atau syarat-syarat yang ada dalam perjanjian itu dipastikan tidak akan dilanggar oleh pihak negeri Thai.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana persoalan sekalipun, lebih-lebih lagi soalan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu, memang kita menghadapi kesulitan di sana sini, tetapi selagi kita sanggup berbincang, berdialog dan juga menghadapi soal itu bersama, ianya akan dapat diselesaikan, hanya masa menunggu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan soalan yang pokok mengenai eksploitasi penangkapan ikan terutamanya tuna di Zon Ekonomi Eksklusif ini, sama ada perlindungan, pemeliharaan untuk sumber ini; dan

Yang keduanya, mengapa pihak daripada Pantai Timur iaitu nelayan-nelayan yang pakar di dalam bidang ini di Pantai Timur tidak dipelawa untuk menyertai rancangan ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyangkal kenyataan Yang Berhormat itu berhubung dengan nelayan Pantai Timur tidak dipelawa. Pendek kata, dalam persoalan ini kita pelawa siapa sahaja, tidak ada sekatan, had ataupun hijab di mana-mana. Dan berhubung dengan sumber pihak kami sentiasa menjaga supaya ianya tidak pupus, lebih-lebih lagi ikan di persisiran pantai.

Berhubung dengan ikan di laut dalam ianya banyak sekali dan kita pada hari ini sanggup mengeluarkan lesen, tidak kurang daripada 646 unit kerana kita mengetahui bahawa sumber yang terdapat di laut dalam itu begitu banyak sekali.

TOL—JUMLAH KUTIPAN

7. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapakah jumlah tempat yang diadakan tol seluruh Malaysia;
- (b) setakat ini berapakah jumlah kutipan yang telah dibuat di tol-tol yang sedia ada; dan
- (c) apakah kriteria-kriteria yang diikuti dalam mewujudkan pusat-pusat tol seluruh negara dan sebelum berbuat demikian adakah kajian terperinci dibuat.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Tol yang ada sekarang terdiri daripada Sistem Tol Tertutup dan Sistem Tol Terbuka.

Jumlah Plaza Tol di bawah Sistem Tol Terbuka adalah 10 buah termasuk 2 buah dikendalikan oleh pihak swasta.

Dalam Sistem Tol Tertutup iaitu di bahagian Lebuhraya Kuala Lumpur/Air Keroh dan Ipoh/Changkat Jering terdapat 15 buah Plaza Tol. Jumlah keseluruhan Plaza Tol yang ada sekarang dan sedang beroperasi adalah 25 buah.

(b) Jumlah kutipan tol tidak termasuk 2 Pusat Tol Swasta sehingga bulan Ogos, 1987 adalah \$171.73 juta.

(c) Pada dasarnya setiap Lebuhraya Tol yang siap dibina akan dikenakan tol bagi Sistem Tol Tertutup. Pusat-pusat tol adalah dibina di tiap-tiap kawasan keluar masuk yang dibenarkan iaitu melalui sebuah persimpangan bertingkat yang didapati wajar untuk menghubungi sesebuah bandar atau pekan yang berhampiran.

Bagi Sistem Tol Terbuka pula Pusat-pusat Tol adalah dibina di kawasan yang didapati strategik dan mudah dilalui oleh kebanyakan

kenderaan. Semua pusat-pusat tol ini sememangnya dikaji secara terperinci terlebih dahulu sebelum ianya ditetapkan.

Tuan P. Patto Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dari sebab-sebab yang diberi tadi, kenapa Plaza-plaza Tol atau Pondok Tol sepertimana terdapat di Slim River dibuat adalah kerana tempatnya strategik dan ia mudah dilalui. Tidakkah benar bahawa salah satu sebab mengapa Pondok Tol di Slim River dibina adalah untuk mengutip balik perbelanjaan yang dipikul oleh Kerajaan pada waktu itu, dalam tahun 1960an. Dan kalau benar, tidakkah benar sekarang ini pungutan yang dibuat melalui Pondok Tol Slim River sudah pun melebihi perbelanjaan pada waktu itu dan purata pungutan tol sekarang adalah lebih kurang \$3.4 juta setahun dan perbelanjaan pengendalian adalah \$870,000 sahaja untuk Tanjung Malim dan Slim River. Memandangkan hal ini bolehkah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menutup pondok tol di Slim River? *(Disampuk)*

Dato' S. Samy Vellu: You agree, but I don't agree.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat. . . .

Dato' S. Samy Vellu: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua:minta bertenang, jangan bercakap macam itu di Parlimen.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah merujuk kepada sejarah macam manakah kita mengenakan tol di Jalan Slim River/Tanjong Malim itu. Pada masa itu Yang Berhormat Menteri Kerjaraya telah berjanji jikalau kita telah selesai bayaran yang kita pinjam daripada Kementerian Kewangan untuk membina tol itu, kita akan

menutup Tol Plaza yang ada di Tanjung Malim dan Slim River, tetapi selepas itu Kerajaan telah menukar sedikit fikiran kerana kita sudah pun memulakan pembinaan jalan-jalan tol di tempat yang lain, sebab itu kita suka juga menggunakan wang yang kita dapat daripada kutipan dari Slim River/Tanjong Malim untuk memperbaiki keadaan jalan-jalan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, saya boleh juga menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat apabila kita siap Lebuhraya dari Ipoh ke Tanjung Malim, tol yang kita kutip sekarang kita akan berhentikan. Itu saya percaya memakan masa lebih kurang 4 bulan—terletaklah di tangan Yang Berhormat dari Tanjung. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukan dalam tangan saya, tetapi di tangan mahkamah. Oleh kerana kes U.E.M. masih dalam mahkamah kenapa Kerajaan tidak menanggukkan kenaikan kadar tol 100% yang baru-baru ini sehingga satu keputusan mengenai kes U.E.M. di mahkamah selesai, oleh kerana Kerajaan hendak menyerahkan kutipan tol-tol ini semua kepada U.E.M. atau sesiapa kontraktor yang akan membina Lebuhraya Utara-Selatan.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu jaminan bahawa Sistem Tol Tertutup akan berjalan dengan licin dan cekap dan bukan apa yang berlaku pada dua Ahad dahulu di mana 6 jam "jam" di Tol Sungei Besi, bahawa perkara ini tidak akan berlaku dan perkara ini benar-benar "freak-jam" dan bukan satu perkara yang biasa; dan

Ketiga, kenapa tol untuk Jambatan Pulau Pinang di mana Yang Berhormat Menteri ada memberi jaminan dalam Dewan ini akan diturunkan dalam masa dua minggu, sekarang sudah 4 bulan belum turun lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat ada soalan berkenaan perkara itu. Ada soalan lagi berkenaan dengan soalan ketiga itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Ya! ada soalan lain di dalam Peraturan Mesyuarat ini berkenaan dengan tol Jambatan Pulau Pinang.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam hal ini, ya.

Datuk S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya suka juga menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan juga soalan 14 ada juga kaitan dengan soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, bersama-sama saya suka menjawab sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat dari Tanjong sedar mulai daripada tahun 1984 saya telah mengemukakan kita akan menaikkan tol di Plaza Tol yang kita sedia ada di Sungai Besi tetapi pada masa itu kita belum menetapkan berapakah anggaran perbelanjaan di atas Jalan Seremban ke Kuala Lumpur untuk menaikkan atau untuk mendapat kadar tol di jalan itu. Tetapi keputusan untuk menaikkan tol di Seremban ke Air Keroh dan Cangkat Jering ke Ipoh bukanlah ada apa-apa kaitan dengan kes UEM atau pemberian kontrak kepada UEM. Ini berdua-dua jadi dua perkara.

Perkara yang pertamanya ialah pada masa sekarang iaitu Lebuhraya daripada Seremban ke Air Keroh dan Cangkat Jering ke Ipoh jadi harta Kerajaan. Kita belum ada apa-apa hubungan dengan kontrak yang akan diberi kepada siapa belum kita tahu lagi. Ini saya letak seperti apa saya kata tadi di tangan Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, satu perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna jalanraya di Plaza Tol Sungai Besi, ini bukan satu masalah biasa, ini masalah luar biasa.

Jikalau ada juga seorang manusia, dia sakit perut, dia pergi ke doktor, doktor boleh beri ubat. Jikalau dia pretend jadi sakit perut mana doktor pun tidak boleh selesaikan. Macam itu jugalah masalah di Sungai Besi itu ialah satu strategi yang dijalankan oleh satu kumpulan, saya belum tahu, masih ada dalam siasatan sekarang. Barangkali Ahli Yang Berhormat kenalkah ataupun tidak, belum tahulah. Satu kumpulan yang menggunakan wang kertas besar \$500, \$100 semua sekali. 100 orang satu kali mahu gunakan jalan itu dengan \$100. Macam manakah plaza tol dan pekerja-pekerja tol itu boleh mencari duit kecil untuk memberi baki kepada mereka. Lebih-lebih yang mereka ada di dalam pondok tol itu \$100 sahaja. Sebab itulah masalah, saya sudah siasat masalah itu pada hari Ahad yang lalu kita tidak ada apa-apa masalah.

Yang kedua, jikalau seorang pengguna mengisi satu gelen sahaja minyak dalam kereta itu, dia berhenti di tengah-tengah jalan, itu bukan masalah Kerajaan, itu masalah perseorangan. Seorang menutup jalan dengan satu gelen minyak, kereta dia berhenti di tengah-tengah jalan, traffic jam telah berlaku. Bila kita minta polis, polis kata itu salah seorang bukan salah Kerajaan. Ini dua perkara yang saya suka menimbulkan kepada Ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan plaza tol di Sungai Besi bukanlah satu masalah biasa tetapi seperti apa yang saya kata, masalah luar biasa.

Untuk menjawab kepada soalan yang ke 14 seperti saya minta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bagan, Kabinet sememangnya telah memutuskan untuk mengurangkan kadar tol Jambatan Pulau Pinang bagi membolehkan lebih ramai pengguna-pengguna menggunakan jambatan itu demi kepentingan awam.

Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan keputusan tersebut adalah menjadi tugas satu-satu Kementerian untuk merujuk kepada Kementerian lain yang terlibat sebagaimana yang saya telah jelaskan dalam Dewan yang mulia ini pada 9hb Julai, 1987, tindakan akan diambil untuk merujuk perkara ini kepada Kementerian Pengangkutan oleh kerana Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan.

Masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pengangkutan adalah satu perkara yang serius yang mana ia memerlukan satu kajian yang teliti memandangkan beberapa implikasi akibat daripada cadangan kekurangan kadar tol iaitu Jambatan Pulau Pinang itu. Masalah khusus yang terlibat di antaranya ialah masalah perbelanjaan perkhidmatan feri dan juga masalah pekerja yang ramai yang mengendalikannya feri itu yang mungkin dibuang kerja. Oleh kerana Kerajaan tidak mahu menjejaskan keadaan perkhidmatan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan tidak ingin melihat keadaan pengangguran di Pulau Pinang dan negara ini menjadi bertambah buruk lagi, maka Kerajaan sedang menyediakan satu laporan lengkap untuk memastikan masalah itu tidak wujud.

Dalam perkara ini saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Ahli Yang Berhormat dari Bagan juga

sebagai mewakili sebahagian penduduk-penduduk Pulau Pinang tidak ingin melihat keadaan perkhidmatan Suruhanjaya Pulau Pinang terjejas dan tidak ingin melihat orang-orang Pulau Pinang menjadi penganggur dan sebaliknya ingin melihat masalah ini dapat diatasi dan diselesaikan dengan baik dan sesuai. Oleh sebab yang dinyatakan di atas, saya suka dan merayu kepada kedua Ahli Yang Berhormat sabarlah sedikit sampai kita ambil keputusan, kalau tidak masalah pengangguran jadi masalah Yang Berhormat dua-dualah, bukan saya satu orang sahaja.

KEMALANGAN JALAN RAYA

8. Tuan Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan kemalangan jalan raya sering berlaku:

- (a) berapakah jumlah kemalangan bagi tempoh 1-1-1987 sehingga pertengahan tahun 1987 dan perbandingannya dalam tempoh yang sama pada tahun 1986;
- (b) berapakah jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya pada tempoh di atas dan perbandingannya bagi tempoh tersebut 1986/1987; dan
- (c) apakah langkah yang difikirkan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya selain dari usaha-usaha yang dijalankan hari ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kemalangan bagi tempoh 1-1-1987 sehingga bulan Jun, 1987 adalah sebanyak 38,535 kes kemalangan, berbanding dengan tahun 1986 pada tempoh yang sama adalah sebanyak 40,731 kes kemalangan.

- (b) Manakala jumlah kematian bagi tempoh 6 bulan pertama (Januari-Jun) dalam tahun 1987 adalah sebanyak 1,692 kes kematian, sementara dalam tempoh yang sama dalam tahun 1986 ialah 1,750 kematian.
- (c) Langkah-langkah yang difikirkan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya ialah:
- (i) Mengeluarkan buku panduan pendidikan keselamatan jalan raya untuk rujukan dan panduan di sekolah berkaitan dengan pengajaran dan pendidikan keselamatan jalan raya.
 - (ii) Menyediakan kurikulum baru sekolah memandu supaya mewujudkan pemandu-pemandu yang bukan sahaja mahir memandu tetapi juga memandu secara berhemat dan tahu tentang cara mengelakkan kemalangan.
 - (iii) Menguatkuasakan had laju nasional mulai tahun 1988.
 - (iv) Memperkenalkan penggunaan bahan-bahan bersinar supaya jelas dilihat di waktu gelap iaitu berbentuk pelekat dan sebagainya kepada apa sahaja benda yang bergerak dan tidak bergerak di jalan raya.
 - (v) Memperketatkan tindakan penguatkuasaan peraturan lalulintas.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan memberitahu apakah kesan di mana Kerajaan telah mencadangkan kereta-kereta berat patutlah apabila berjalan di atas lebuhraya membuka

headlightnya, apakah kesan yang didapati oleh Kementerian yang berkenaan itu.

Kedua, adakah kajian telah dijalankan oleh Menteriannya terhadap kenderaan-kenderaan sekolah patut dicat dengan cat merah.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kesan mengenai penggunaan headlight pada siang hari iaitu bukanlah di tengah-tengah bandar ataupun di tengah-tengah hari iaitu bagi kenderaan-kenderaan berat di lebuhraya dalam perjalanan jauh terutama dalam waktu samar-samar dan waktu gelap, ada beberapa syarikat yang telah mencuba dan satu syarikat yang telah mencubanya selama dua bulan, mendapati bahawa kemalangan bagi kenderaan-kenderaan syarikat tersebut berkurangan sebanyak 26%. Itu yang dijalankan oleh satu syarikat. Baru-baru ini ada beberapa syarikat lain yang telah juga melaksanakannya dan kami belum dapat lagi keputusan ataupun hasil-hasil daripada percubaan tersebut.

Mengenai kajian kenderaan sekolah yang dicat, ini saya rasa terlibat juga dengan Kementerian Perusahaan Awam dan masih lagi dalam perbincangan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kemalangan jalan raya disebabkan mungkin faktor-faktor yang diberi oleh Yang Berhormat tadi tetapi tidak termasuk juga akibat daripada ketinggian mutu jalan raya, kerana ada pengguna-pengguna jalan raya yang terdorong untuk menggunakan jalan raya dengan laju, drive—dengan memandu kenderaan dengan laju disebabkan jalan raya baik sangat. Jadi, soalan saya ialah adakah pihak Kementerian telah membuat kajian atas perkara ini dan kalau sudah, apakah kriteria-kriteria yang ditentukan untuk menentukan sama ada jalan raya itu

baik tidak dan sudahkah ditentukan jumlah yang terlibat dalam kemalangan jalan raya disebabkan jalan raya begitu baik dan jalan raya yang tidak baik.

Datin Paduka Hajjah Zaleha bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mengenai mutu jalan raya baik atau tidak baik di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan. Saya tidak dapat menjawab yang selebihnya.

BILIK DARJAH SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR

9. **Datuk Kadoh Agundong** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah di luar bandar di Sabah khususnya masih kekurangan bilik-bilik darjah. Untuk makluman Menteri, terdapat beberapa buah sekolah di luar bandar terdapat seorang guru mengajar tiga buah kelas dalam masa yang sama di dalam sebuah bilik darjah. Jika sedar, apakah langkah-langkah Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kekurangan bilik darjah di sekolah-sekolah khususnya di sekolah-sekolah luar bandar sentiasa diambil berat oleh Kementerian Pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian daripada sekolah-sekolah di luar bandar terdiri daripada sekolah-sekolah kekurangan murid di mana bilangan muridnya adalah kecil. Kelayakan untuk guru bagi sekolah-sekolah tersebut adalah berdasarkan kepada enrolment murid. Ini menyebabkan di setengah-setengah sekolah yang berkenaan guru-guru mengajar secara kelas bercantum, iaitu mengajar dua atau tiga kelas dalam masa yang sama.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

- (1) Terdapat sekolah-sekolah kekurangan murid telah dicantumkan dengan sekolah-sekolah lain yang berhampiran supaya sekolah-sekolah berkenaan dapat berfungsi dengan lebih berkesan.
- (2) Kelayakan untuk guru bagi sekolah-sekolah kekurangan murid telah dikaji semula dan ditambah.
- (3) Menyediakan buku panduan khas bagi guru-guru yang mengajar kelas bercantum.

PEMBINAAN JEJAMBAT (INTERCHANGE) DI KUALA LUMPUR

10. **Tuan Tan Kok Wai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) di bawah kriteria apakah Kerajaan memilih sesuatu tender untuk membina 5 buah interchange juga nyatakan makluman tentang pelbagai tender yang berjaya untuk membina interchange tersebut; dan
- (b) sama ada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan melaksanakan sendiri pembinaan jejambat (interchange) supaya orang ramai tidak akan dibebani dengan projek-projek pengswastaaan, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, tawaran untuk melaksanakan projek pengswastaaan bagi membina 5 buah interchange ini telah dibuat melalui tender secara terbuka di dalam

akhbar-akhbar tempatan. Dalam hubungan ini satu proses (shortlisting) dengan cara elimination, dengan izin, telah dijalankan semasa penilaian ke atas dokumen-dokumen tender tersebut dibuat. Proses ini adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang dikemukakan oleh pihak yang berkenaan.

Semasa menjalankan proses shortlisting, kriteria penting yang digunakan ialah sama ada syarat-syarat yang dikemukakan oleh setiap penender itu adalah memenuhi syarat-syarat tawaran atau sebaliknya.

Walau bagaimanapun, syarat-syarat tambahan seperti subsidi daripada Kerajaan, tanah perlu disediakan oleh Kerajaan, jaminan daripada Kerajaan mengenai internal rate of return yang minima dan tertentu dan sebagainya itu adalah tidak diterima untuk pertimbangan. Sungguhpun begitu syarat-syarat yang telah mengenakan financial liability kepada pihak Kerajaan telah dipertimbangkan untuk disenaraipendekkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat yang terpilih untuk melaksanakan tawaran tersebut adalah sebuah syarikat tempatan yang telah berjaya menyiapkan beberapa projek besar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Syarikat berkenaan telah menawarkan tempoh kutipan tol yang terpendek sekali berbanding dengan syarikat-syarikat lain. Syarikat berkenaan juga tidak mengenakan syarat-syarat tambahan sepertimana disebutkan tadi.

Bagi jawapan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan jejambat (interchange) adalah merupakan satu projek yang menelan modal yang besar. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sendiri tidak berkemampuan dari segi kewangan untuk melaksanakannya. Oleh hal yang demikian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur perlulah bergantung

kepada bantuan kewangan secara langsung daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek tersebut.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, sama ada pihak yang berkenaan telah menentukan berapa buah plaza tol yang akan dibina yang ada bersabit dengan projek untuk membina 5 buah interchange ini.

Yang kedua, saya suka juga bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada beliau sedar bahawa perkara pembinaan plaza tol dan kutipan tol di dalam sebuah bandaraya adalah satu perkara yang aneh, adalah satu perkara yang amat tidak adil dan memandangkan bahawa ini adalah merupakan cadangan Kerajaan untuk menswastakan pembinaan 5 buah interchange ini yang akan menyusahkan orang ramai, sama ada pihak Kerajaan akan mengkaji semula perkara ini dengan tujuan untuk membatalkan rancangan pembinaan tol plaza yang bersabit dengan pembinaan 5 buah interchange ini.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kedua-dua soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tidak ada kaitan dengan soalan asal tetapi saya suka menyebutkan bahawa bagi kepentingan orang ramai terutama di Kuala Lumpur ini Kerajaan akan meneruskan pembinaan projek interchange.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebagaimana diterangkan tadi, untuk membina 5 buah interchange, di sini saya suka bertanya di manakah kawasan-kawasan ataupun tempat-tempat ataupun persimpangan jalan yang akan didirikan.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang telah diputuskan bagi pembinaan 5 buah interchange ini adalah di sekitar kawasan Cheras dan Sungai Besi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ting Ling Kiew.

(Soalan No. 11 Y.B. Datuk Ting Ling Kiew tidak hadir).

SRP—MENGHAPUSKAN PEPERIKSAAN

12. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pendidikan menerangkan sama ada Kementerian beliau menyedari bahawa ramai anak-anak remaja kita yang menganggur dalam usia yang begitu muda dan tidak mempunyai minat untuk maju di dalam bidang pelajaran akibat kecewa kerana kegagalan di dalam peperiksaan SRP;

(a) jika ya, adakah rancangan Kementerian Y.B. untuk menghapuskan peperiksaan SRP agar kegagalan di dalam usia yang begitu muda tidak akan menghalang kemajuan di dalam kehidupan mereka; dan

(b) jika tidak, apakah alternatif lain yang lebih berkesan yang dapat mengatasi masalah tersebut.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya bilangan pelajar yang tidak membuat apa-apa selepas peperiksaan SRP tidaklah seramai seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana 65% daripada mereka yang mengambil peperiksaan itu dinaikkan ke Tingkatan 4, yang tiada lulus peperiksaan dibenarkan mengulang, ramai juga yang masuk ke sekolah-sekolah swasta untuk melanjutkan pelajaran dan sebilangan lagi di antara mereka melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran yang disediakan

oleh berbagai-bagai agensi Kerajaan seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan.

Buat masa ini Kementerian belum ada rancangan untuk menghapuskan peperiksaan SRP.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, soalan tambahan. Apakah cadangan daripada Kementerian Pendidikan di mana murid-murid yang gagal untuk lulus peperiksaan SRP dimasukkan dalam sekolah swasta atau sekolah sua untuk melanjutkan pelajarannya. Jikalau murid-murid yang miskin patutlah membayar lebih bayarannya di sekolah-sekolah swasta itu. Adakah Kerajaan mencadangkan satu skim menolong mereka untuk melanjutkan pelajarannya?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan mengambil berat terhadap nasib murid-murid yang gagal di dalam peperiksaan itu, tetapi oleh sebab perbelanjaan kewangannya besar dan kita tidak ada kemampuan kewangan untuk membantu semua mereka, kita tidak dapat memberi apa-apa bantuan kewangan untuk murid-murid yang melanjutkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah swasta.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun jumlah bilangan pelajar yang gagal SRP tidak ramai tetapi kita boleh andaikan jumlah ini akan bertambah untuk tahun-tahun akan datang dan ianya merupakan satu perkara yang besar memandangkan mereka ini adalah golongan-golongan muda, golongan belia yang juga perlu kepada pembelaan. Apakah program-program yang bersepadu sebagaimana sekarang ini kita salurkan pelajar-pelajar ke bidang vokasional seperti maktab-maktab teknik, tetapi institusi ini juga memerlukan kelulusan yang tinggi, tidak diberi peluang kepada pelajar-pelajar yang gagal SRP.

Apakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menyusun satu rancangan program yang benar-benar komprehensif supaya generasi pelajar belia yang tidak berkesempatan ini mempunyai masa depan yang baik untuk tahun-tahun akan datang?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat. Buat masa sekarang Kementerian Pendidikan belum ada satu rancangan selain daripada mengadakan pendidikan vocational dan technical, tetapi apa yang sudah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat akan diambil dengan berat dan saya akan membawa kepada Kementerian Pendidikan.

PEGAWAI KERAJAAN MENJALANKAN PERNIAGAAN

13. **Dr Chen Man Hin** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Perintah Am (General Orders) telah diubah untuk membenarkan Pegawai-pegawai Kerajaan menjalankan perniagaan—malahan dalam perniagaan keluarga—memandangkan ia adalah satu tauladan yang buruk, yang menggalakkan situasi konflik kepentingan dan tidak adil kepada pembayar cukai.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Perintah Am Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab D 1980 tidak diubah. Kerajaan hanya memberi kebenaran kepada pegawai-pegawai awam menubuhkan syarikat pegangan keluarga semata-mata untuk mentadbirkan harta yang dimiliki oleh pegawai dan keluarga dan bukan untuk aktiviti perniagaan, sepertimana Yang Berhormat faham. Oleh yang demikian, soal konflik kepentingan dan tidak adil kepada pembayar cukai tidak timbul sama sekali.

Dr Chen Man Hin: Sungguhpun sebut pegawai-pegawai tinggi boleh tubuh syarikat keluarga, itupun sama juga dengan syarikat-syarikat perniagaan lain, tidak ada perbezaan dan satu director dalam satu kompeni keluarga atau lain-lain pun ada tujuan untuk berniaga. Ini tentang General Orders, ada satu keadaan conflict of interests. Kalau macam ini pegawai-pegawai tinggi boleh ambil bahagian dalam perniagaan dan ini jadi satu contoh yang tidak sihat kepada semua kakitangan Kerajaan.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebagai saya maklumkan tadi bahawa syarikat-syarikat ini yang ingin ditubuhkan oleh seseorang pegawai Kerajaan mestilah membuat permohonan kepada Ketua Jabatan dan sebelum ianya diluluskan, maka syarat-syarat yang tertentu diberikan dan ditegaskan bahawa syarikat-syarikat ini ialah hanya semata-mata untuk pegangan harta bagi pegawai-pegawai yang terlibat.

Berkenaan dengan jika ada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diberikan kebenaran untuk menubuhkan syarikat ini melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, maka mereka ini akan dihadapkan kepada Lembaga Tatatertib mengikut Bab D dalam Perintah Am 1980 ini dan ada hukuman yang tertentu yang melanggar tatatertib ini. Sekian dimaklumkan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 14 telah terjawab.

MAHKAMAH KEADILAN DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

15. **Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Kehakiman sama ada beliau sedar atau tidak, adanya golongan yang mahu mengubah Mahkamah Keadilan dan undang-undang di Malaysia kepada

Mahkamah Maruah yang pada akhirnya mahkamah kita akan dibanjiri permohonan yang tidak bertanggungjawab seterusnya wang negara dibazirkan. Kalau sedar apakah langkah positif yang telah dan akan diambil mengenainya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada bukti yang menunjukkan ada golongan yang mahu mengubah Mahkamah Keadilan dan undang-undang di Malaysia kepada Mahkamah Maruah. Jika sekalipun, pada bila-bila masa terdapat mana-mana golongan berhasrat sedemikian, negara tidak perlu bimbang oleh kerana mereka tidak berkuasa untuk mengubah sistem keadilan atau undang-undang negara ini. Kuasanya adalah terletak pada Parlimen. Kerajaan juga yakin pihak mahkamah adalah berupaya menjalankan tugas-tugas mereka dengan adil dan tidak akan membenarkan mereka dipergunakan oleh mana-mana pihak untuk tujuan selain dari mendapat keadilan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Timbalan Menteri tadi ada jawab tidak ada cadangan untuk menukar apa yang kami ada sekarang satu mahkamah keadilan dan undang-undang. Adakah Kerajaan cadang untuk ambil apa-apa tindakan atas mana-mana hakim, termasuk Hakim Harun Hashim atas apa Yang Arif ada cakap dalam luar mahkamah atas tajuk politik? Adakah Kerajaan apa-apa cadangan untuk ambil apa-apa tindakan atas mana-mana hakim dalam masa lebihkurang seminggu depan sekarang?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan soalan yang asal. *(Tepuk)*

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: bukan soalan asal oleh kerana soalan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, saya bersetuju dengan fikiran daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bukannya soalan daripada soal asal.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker pun dahulu jadi hakim. Sekarang hakim lain kena hentam, Tuan Speaker tentu *(Ketawa)* ada hak untuk pertahankan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong

Tuan R. Karpal Singh: mana-mana golongan dalam Kerajaan yang hentam hakim-hakim.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, saya memberi amaran jangan berbuat demikian. Yang Berhormat hendak menegakkan keadilan, cara yang dibuat itu bukanlah caranya. *(Tepuk)*

FERI MALAYSIA—KOS OPERASI

16. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan berapakah kos operasi dan kos maintainan masakini semenjak Feri Malaysia (Cruise Muhibbah) yang berusia 17 tahun dan berharga \$20 juta itu dilancarkan (September 1986); mengapakah dalam masa yang singkat masalah seperti kerosakan enjin sering berlaku; apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan keselamatan Cruise Muhibbah terjamin.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh September, 1986 hingga Ogos, 1987, kos operasi Feri Malaysia adalah

sebanyak \$10.4 juta, manakala kos maintainannya pula adalah berjumlah \$1.9 juta.

Kerosakan enjin yang dialami oleh kapal Feri Malaysia adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (a) Kapal Feri Malaysia sepatutnya menggunakan minyak jenis 60 cst fuel oil semasa manoeuvring, tetapi bahan tersebut sukar diperolehi di rantau ini. Dengan itu enjin kapal Feri Malaysia terpaksa diubahsuaikan untuk menggunakan minyak jenis yang lain iaitu minyak jenis 180 cst fuel oil.
- (b) Kerosakan kepada "controllable pitch propeller hydraulic unit" menyebabkan "overloading of port engine". Akibat daripada masalah overloading ini, salah sebuah daripada "bearing" telah menjadi terlalu panas dan tidak boleh digunakan lagi.
- (c) Kesuntukan masa untuk kerja-kerja senggaraan kapal akibat daripada jadual pelayaran yang ketat. Tambahan pula Feri Malaysia mempunyai hanya sebuah kapal sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerosakan tersebut adalah biasa dialami oleh kapal-kapal penumpang yang baru dilancarkan dan apatah lagi yang telah lama berkhidmat serta lanjut usianya seperti kapal Feri Malaysia.

Kapal-kapal penumpang seperti "Queen Elizabeth II" dan "Fairstar" juga pernah mengalami kerosakan-kerosakan seperti ini. Biasanya kerosakan ini dapat diperbaiki oleh jurutera-jurutera kapal itu sendiri semasa pelayarannya di lautan supaya khidmat kapal tidak tergendala.

Dari segi keselamatan penumpang, pihak pengurusan Feri Malaysia sentiasa memberikan keutamaan

kepada peraturan-peraturan keselamatan seperti yang telah diarahkan oleh Jabatan Laut dan Ordinan Perkapalan Saudagar, dengan izin, Merchant Shipping Ordinance, 1952. Di antara langkah-langkah yang diambil dalam perkara ini ialah:

- (a) menentukan pintu-pintu di dalam keadaan yang baik;
- (b) bow dan stern ramp ditutup dengan selamat dengan menggunakan locking pin sebelum kapal bertolak;
- (c) latihan dan pemeriksaan kebakaran ke atas semua tempat di atas kapal;
- (d) pemeriksaan untuk mengesan kebocoran minyak dari kenderaan-kenderaan yang dibawanya;
- (e) menentukan semua alat kebakaran dan penyelamat nyawa berada di tempatnya dan boleh digunakan apabila diperlukan;
- (f) keselamatan ikatan kepada treler-treler dan kenderaan-kenderaan yang membawa kargo;
- (g) mengadakan latihan keselamatan setiap kali selepas kapal bertolak; dan
- (h) menentukan hydraulic system of ramp mechanism adalah di dalam keadaan baik serta boleh digunakan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tadi Yang Berhormat Menteri menyebutkan angka kos operasi dan kos maintainan bagi Feri Malaysia lebih kurang \$10 juta bagi tahun lepas. Adakah kos tersebut termasuk juga kos minyak? Adakah pihak PETRONAS sekarang memberikan bantuan kepada Feri Malaysia dengan minyak percuma, dan jika ya, kenapakah satu pilih kasih diberikan kepada Feri Malaysia oleh

PETRONAS oleh kerana lain-lain agensi Kerajaan ataupun syarikat Kerajaan juga mahukan layanan yang sama?

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu, mungkin sukar untuk memberi satu angka yang tepat, tetapi memberikan satu gambaran am sama ada Feri Malaysia sudah mengalami kerugian ataupun keuntungan dalam 10 bulan operasinya?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS menyumbang semua minyak untuk mengendalikan Feri Malaysia. Sumbangan itu adalah dalam bentuk minyak iaitu angkanya lebih kurang \$6 juta setahun dan minyak itu untuk kegunaan audit adalah termasuk sebagai kos.

Yang kedua, pertanyaan mengenai mengapakah Kerajaan ataupun PETRONAS membuat pilih kasih, itu tidak timbul sama sekali kerana sumbangan PETRONAS itu sebanyak \$6 juta harga minyak yang digunakan oleh Feri Malaysia adalah merupakan sumbangan untuk mengintegrasikan rakyat Malaysia. Jadi, oleh kerana PETRONAS adalah kepunyaan Kerajaan, itu merupakan satu sumbangan welfare terhadap rakyat Malaysia keseluruhannya.

Ketiga, mengapa pula tidak disampaikan layanan itu kepada syarikat-syarikat yang lain, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Feri Malaysia adalah satu badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan ianya merupakan kepunyaan Kerajaan. Jadi segala kendaliannya adalah ditanggung oleh Kerajaan. Walaupun setakat ini Feri Malaysia sudah pun mengalami kerugian lebih kurang \$2.8 juta tetapi Feri Malaysia ini adalah ditubuhkan bukan untuk mencari keuntungan, tetapi adalah ditubuhkan semata-mata untuk mempercepatkan

integrasi nasional di antara Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 11 dan 17 hingga 29 adalah diberi di bawah ini).

KAMAR HAKIM DAN PER-BICARAAN KES MAHKAMAH

4. Tuan Hashim bin Saffin minta Menteri Kehakiman menjelaskan apakah Kerajaan akan menambah kamar Hakim, Pengadil dan Majistret dalam mengatasi masalah ketidakcukupan bilik-bilik Hakim. Apakah usaha Kerajaan untuk mempercepatkan proses pengadilan kepada mereka yang tertuduh yang difahamkan kes-kesnya bertimbun-timbun tidak dapat diselesaikan.

Dato' Oo Gin Sun:

- (1) Soal tidak cukup kamar bagi Hakim, Pengadil dan Majistret tidak timbul. Dengan bilangan jawatan Hakim, Pengadil dan Majistret yang ada sekarang, kamar-kamar untuk mereka adalah mencukupi.
- (2) Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan tertentu bagi mempercepatkan perbicaraan kes di Mahkamah iaitu seperti berikut:
 - (i) Akta Mahkamah Rendah, 1948 telah dipinda dan dengan terlaksananya Akta Mahkamah Rendah (Pindaan), 1987 mulai 1hb Ogos 1987 kes-kes sibil \$100,000 ke bawah akan dibicarakan di Mahkamah Sesyen dan tidak lagi di Mahkamah Tinggi dan seterusnya kes-kes sibil

\$25,000 ke bawah akan dibicarakan di Mahkamah Majistret Kelas I dan kes-kes sibil \$3,000 ke bawah di Mahkamah Majistret Kelas II.

- (ii) Satu Jawatankuasa Khas yang terdiri dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Kehakiman dan Kementerian Kehakiman telah dibentuk untuk meneliti kedudukan dan menimbang keperluan perjawatan mahkamah-mahkamah dan jabatan-jabatan di Kementerian Kehakiman.
- (iii) Jawatan-jawatan yang masih kosong di Mahkamah-mahkamah akan diisi dari masa ke semasa.
- (iv) Di samping meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai yang mengendalikan kes-kes alat-alat kelengkapan pejabat seperti sistem Mikro Komputer dan "Word Processor" juga telah dibekalkan kepada Mahkamah-mahkamah.
- (v) Peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur pentadbiran mahkamah sedang dikaji untuk dibuat perakuan dengan tujuan untuk melicinkan urusan dan meningkatkan kecekapan mahkamah.
- (vi) Segala usaha sedang dibuat bagi mendapatkan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam pengendalian kes seperti

pihak pendakwa, pembela, saksi-saksi dan jabatan-jabatan yang berkaitan membantu pihak mahkamah mempercepatkan perbicaraan kes-kes.

PENUNTUT DAYAK DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

11. **Datuk Ting Ling Kiew** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah bilangan penuntut yang berketurunan Dayak Sarawak yang telah dan yang sedang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Apakah pihak Unit Pengambilan Pelajar boleh menambahkan bilangan penuntut yang berketurunan Dayak memandangkan suku kaum Dayak masih jauh ketinggalan di dalam bidang ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mengumpul maklumat mengenai bilangan penuntut yang keluar dan yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi tempatan mengikut keturunan. Pihak Kementerian sememangnya telah menambah pengambilan penuntut-penuntut Sarawak setiap tahun dengan memberi kelonggaran dari segi kelayakan masuk untuk mengikuti kursus di institusi pengajian tinggi tempatan.

ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN KE TAIWAN

17. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan khas telah, sedang dan akan diambil untuk menarik pelabur-pelabur dari Taiwan melabur di Malaysia untuk merangsangkan pemulihan ekonomi negara kita ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Kerajaan telah menghantar beberapa rombongan penggalakan pelaburan ke Taiwan dengan tujuan untuk menerangkan kepada bakal-bakal pelabur Taiwan mengenai peluang-peluang pelaburan yang boleh didapati di negara ini, serta memperkenalkan beberapa galakan pelaburan yang menarik dan kelonggaran garis panduan penyertaan ekuiti pelaburan asing dari pekerja-pekerja asing.

Pada tahun 1986, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri telah menghantar 12 rombongan penggalakan pelaburan am termasuk 4 rombongan penggalakan pelaburan khas iaitu rombongan-rombongan industri barangan getah, industri berasaskan kayu-kayan, industri elektrik-elektronik, dan pertanian & akua-kultur ke Taiwan dengan tujuan untuk menarik pelabur-pelabur Taiwan ke Malaysia.

Sebagai tindakan tambahan pula, Jemaah Menteri telah pun meluluskan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk membuka pejabatnya di Taipei, Taiwan pada awal tahun 1988 dengan tujuan untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur Taiwan ke negeri ini.

Di samping itu sebanyak 6 rombongan kajian pelaburan dari Taiwan juga telah datang ke Malaysia untuk membuat kajian dan mengenalpasti peluang-peluang pelaburan yang boleh diterokai di negeri ini.

Sejak pendekatan itu diusahakan pelaburan Taiwan di sini telah meningkat. Dari Januari hingga September, 1987 sebanyak 12 buah projek telah diluluskan dengan ekuiti Taiwan berjumlah \$45.6 juta berbanding 8 buah projek pada tahun lalu (1986) dengan ekuiti Taiwan berjumlah \$2.1 juta sahaja. Ini jelas

menunjukkan bahawa pelaburan Taiwan di Malaysia telah meningkat sejak awal tahun 1987.

KWSP—PELABURAN DALAM MAKUWASA

18. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kerugian yang dialami oleh KWSP yang berhasil dari pelaburan ke dalam Makuwasa Securities Sdn. Bhd. yang baru-baru ini, pada 9-9-1987 telah tutup kedai. Apakah bahagian pelaburan ini berbanding dengan jumlah besar pelaburan yang dibuat oleh KWSP ke dalam kumpulan syarikat MAKUWASA. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menuntut balik wang yang dihutangkan oleh MAKUWASA Securities. Dari segi tuntutan balik wang, apakah tahap keutamaan (rank in priority) yang diduduki oleh KWSP dalam senarai si piutang Makuwasa Securities Sdn. Bhd. Mengapa. Apakah agaknya jumlah wang yang mungkin dapat dituntut balik oleh KWSP.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak pernah melabur di dalam Makuwasa Securities Sdn. Bhd. Oleh itu isu-isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak berbangkit.

BIASISWA PERSEKUTUAN KEPADA PENUNTUT SABAH

19. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Perdana Menteri menyatakan mengapa sebilangan kecil sahaja penuntut-penuntut dari Sabah yang dihadiahkan biasiswa-biasiswa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk melanjutkan pelajaran di seberang laut di antara 1980 hingga 1986 di mana kurang dari dua peratus

dari jumlah pemohon-pemohon yang berjaya itu dari Sabah setiap tahun; sama ada kekurangan publisiti dan masa memohon yang terhad menjadi puncunya; serta langkah-langkah yang diambil oleh JPA untuk mengatasinya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusuf bin Haji Mohamed Nor): Sebilangan kecil sahaja penuntut dari Sabah yang berjaya mendapat biasiswa Persekutuan untuk melanjutkan pelajaran di luar negeri semenjak dari tahun 1980 hingga 1986 kerana pemberian biasiswa dibuat secara "open competition" kepada pelajar-pelajar yang mempunyai keputusan akademik yang paling cemerlang sahaja dan mengikuti kursus-kursus yang ditaja dan bilangan calon-calon dari Sabah masih berkurangan.

Jabatan Perkhidmatan Awam senantiasa memberi peluang kepada semua pelajar memohon biasiswa Persekutuan tanpa mengira negeri asal mereka.

RAMPASAN PITA VIDEO

20. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa kes rampasan pita-pita video telah dijalankan oleh pihak polis dengan perintah waran bongkar sehingga setakat ini;
- (b) berapa kes rampasan pita-pita video dapat didakwa ke mahkamah kerana melanggar hak cipta;
- (c) berapa kes rampasan pita-pita video tidak dapat didakwakan kerana kekurangan bukti atau kerjasama dari pihak yang waran bongkar mempunyai.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Sepanjang tahun ini sehingga 30 September 1987, sebanyak 27,135 pita

video telah dirampas oleh pihak polis dengan menggunakan 174 waran bongkar kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Hak Cipta. Kesemua 174 kes yang dikeluarkan waran bongkar telah didakwa di Mahkamah.

TELEFON—BAYARAN PROSES PEMASANGAN

21. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Syarikat Telekom Malaysia (STMB) telah mengenakan bayaran sebanyak \$50.00 untuk memproses permohonan bagi mendapatkan perkhidmatan telefon selain daripada bayaran cagaran sebanyak \$75.00 yang dikenakan, jika ia, apakah sebabnya bayaran memproses permohonan ini dikenakan kerana ianya menambah beban kepada bakal pelanggan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya tidak mengetahui bahawa STM telah mengenakan bayaran sebanyak \$50.00 untuk memproses permohonan pemasangan telefon. Apa yang saya ketahui, Syarikat itu telah mengenakan bayaran \$50.00 untuk setiap pemasangan telefon setelah pendawaian disediakan oleh pihak pelanggan, manakala bayaran \$75.00 merupakan bayaran cagaran sahaja. Semua pembayaran ini dikutip sebaik sahaja pihak pelanggan selesai menandatangani surat perjanjian mengenainya.

PESURUHJAYA PERDAGANGAN

22. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di negara-negara lain, dari jumlah ini berapa orangkah dari perkhidmatan tabdir (PTD) dan dari sektor swasta; memandangkan bahawa perdagangan antarabangsa di zaman ini semakin menjadi rumit, yang

memerlukan bukan sahaja pengetahuan teori yang tinggi tetapi pengalaman yang cukup, adakah Kerajaan bercadang menambahkan lagi bilangan Pesuruhjaya-pesuruhjaya ini dari kalangan swasta.

Tuan M. G. Pandithan: Pada masa ini terdapat seramai 29 Pesuruhjaya Perdagangan di Luar Negeri. Perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan adalah merupakan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD). Justeru itu Pesuruhjaya Perdagangan adalah terdiri dari pegawai-pegawai daripada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan tiada seorang Pesuruhjaya Perdagangan pun dari sektor swasta.

Pesuruhjaya Perdagangan yang ada sekarang ini memang mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman yang cukup terutama sekali di dalam bidang penggalakkan eksport. Kebanyakan daripada mereka adalah pegawai-pegawai yang mempunyai latar belakang ekonomik yang pernah bekerja di Kementerian yang menjalan kerja-kerja serta aktiviti ekonomik. Sebelum dihantar berkhidmat keluar negeri bakal-bakal Pesuruhjaya Perdagangan terlebih dahulu dilatih di dalam bidang galakan eksport termasuk dengan yang dianjurkan oleh Badan-badan Antarabangsa bagi melengkapkan mereka supaya dapat menjalankan tugas-tugas galakan eksport barang-barang Malaysia dengan lebih berkesan.

Pesuruhjaya Perdagangan adalah bertanggungjawab di dalam galakan eksport barang-barang Malaysia di luar negeri, termasuk barang-barang bahan utama, keluaran kilang dan separa kilang di samping menjadi orang pengantara dengan kerajaan tempatan bagi perkara dasar perdagangan dua-hala, di mana mereka ditempatkan. Memandangkan bidang tugas yang luas itu, maka Kerajaan telah melantik pegawai-pegawai yang mempunyai

kelulusan akademik yang sesuai berserta dengan pengalaman dalam bidang ekonomik, ditambah dengan program latihan yang menyeluruh, bagi menyandang jawatan Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri. Di dalam hubungan ini prestasi mereka setakat ini adalah didapati baik.

Walau bagaimanapun Kementerian sentiasa memandang berat dan mengkaji untuk meningkatkan dan memperbaiki perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri dan Kementerian akan mengambil perhatian terhadap cadangan bagi menambahkan Pesuruhjaya Perdagangan dari kalangan swasta.

PENANGKAPAN IKAN DI LAUT DALAM

23. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah dan persiapan-persiapan yang telah, sedang dan akan dijalankan untuk menjayakan usaha penangkapan ikan di laut dalam. Sejauh mana cita-cita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pengeksporn ikan ke tahap jumlah \$100 juta disusun semoga ianya menjadi satu kenyataan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Langkah-langkah dan persiapan-persiapan yang telah, sedang dan akan dijalankan untuk menjayakan usaha penangkapan ikan di laut dalam adalah seperti berikut:

1. Aktiviti penyelidikan telah dipergiatkan terutamanya untuk perikanan laut dalam bagi mengetahui kepadatan stok dan lain-lain. Kajian dayamaju ekonomi bagi mengetahui kos dan pulangan di perairan yang belum diterokai di laut dalam juga sedang dijalankan.
2. Berdasar kepada kajian dan data sumber-sumber perikanan yang ada, sejumlah 646 buah bot

menangkap ikan di laut dalam yang saiznya 70 GRT dan ke atas akan dibina dan dilesenkan. Setakat ini sebanyak 356 unit lesen telah diluluskan. Dari jumlah ini sebanyak 96 unit sedang beroperasi. Ini tidak termasuk 94 unit yang telah beroperasi sejak dahulu lagi.

3. Kerajaan juga memberi galakan pelaburan dan dorongan dalam bentuk galakan fizikal dan kewangan kepada nelayan-nelayan dan pelabur-pelabur tempatan untuk memesatkan lagi pembangunan industri perikanan laut dalam. Di antara galakan pelaburan ialah pengecualian cukai di bawah "Elaun Cukai Pelaburan hingga 50%, dan pengecualian cukai import ke atas peralatan yang tertentu di dalam perikanan. Dari segi kemudahan pinjaman pula, Kerajaan melalui Bank Pertanian dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyediakan skim kemudahan kredit dengan mengenakan syarat-syarat pinjaman yang ringan.
4. Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan telah menyediakan latihan-latihan termasuk latihan peningkatan nelayan-nelayan pantai yang sedia ada dan tahap latihan ini adalah selaras dengan keupayaan mereka untuk mengendali bot-bot besar sesuai untuk penangkapan ikan di laut dalam.

Untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeksport ikan, Kementerian sedang menggalakkan pengusaha perseorangan tempatan menubuhkan syarikat-syarikat bagi perusahaan perikanan laut dalam. Dengan ini corak perusahaan perikanan secara enterprais yang besar dan komersial dapat diwujudkan. Ketika ini Kementerian sedang menggalakkan perusahaan penangkapan ikan secara besar-besaran (fleet fishing) terutamanya

untuk menangkap ikan-ikan yang spesifik dan yang mendapat harga pasaran yang baik di luar negeri, seperti Tuna, Sotong dan Udang. Sebagai contoh, baru-baru ini sebuah syarikat tempatan telah dikeluarkan 40 unit lesen Pukat Jerut untuk menangkap ikan Tuna, dan ikan-ikan yang ditangkap itu dieksport ke Thailand.

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE CHINA

24. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Rombongan Malaysia ke Negeri China yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini, adakah ujud sesuatu kesimpulan perjanjian yang membanggakan rakyat Malaysia—China dari hasil lawatan tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Hasil lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Republik Rakyat China pada 6-13hb September, perlu dilihat dari konteks usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan dan ekonomi dengan Republik Rakyat China (RRC). Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bertemu dan berbincang dengan beberapa orang pemimpin RRC mengenai isu-isu yang tertumpu kepada hubungan dua hala sahaja.

Mengenai perdagangan, Naib-Perdana Menteri RRC, Tuan Tian Jiyun telah menyuarakan hasrat kerajaannya untuk memperkembangkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan dengan Malaysia. Jumlah perdagangan di antara kedua buah negara telah bertambah khususnya perdagangan terus sejak lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke RRC pada bulan November 1985.

Semasa lawatan tersebut, pucuk pimpinan RRC telah dimaklumkan mengenai harapan Malaysia agar RRC terus membeli bukan sahaja bahan-bahan mentah, bahkan juga barang-barang siap dan separuh siap dari Malaysia. Hasilnya, pihak RRC telah meminta agar kayu balak yang akan dieksport ke RRC di proses terlebih dahulu di Malaysia untuk kemudahan pengangkutan. Pihak RRC juga telah menyuarakan keinginannya untuk terus mengimport hasil-hasil perhutanan, bahan-bahan mentah dan keluaran-keluaran lain.

Selain daripada itu, semasa lawatan ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menandatangani perjanjian perkapalan dengan Menteri Perhubungan RRC. Pihak RRC juga telah memberi jaminan kepada Malaysia untuk terus mengadakan eksport timahnya supaya tidak menjejaskan kepentingan negara-negara pengeluar di samping menghantar pemerhati ke mesyuarat-mesyuarat Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah. Jaminan yang sedemikian patut dialu-alukan tatkala harga timah di pasaran antarabangsa sedang mengalami kemelesetan.

Adalah jelas bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mendatangkan hasil yang menggalakkan dan membuka peluang yang lebih meluas kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk melibatkan diri di dalam pembangunan ekonomi RRC.

ELAUN PENEMPATAN GURU-GURU—MENYAMAKAN

25. Datuk Kadoh Agundong minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah cadangan menyamakan Elaun Penempatan bagi Guru-guru dari Semenanjung dan Sabah sepertimana yang telah diumumkan akan dilaksanakan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun memutuskan untuk menyamakan elaun bagi pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang bertugas di Sabah/Sarawak dan di Semenanjung dan pegawai-pegawai Semenanjung yang bertugas di Sabah/Sarawak. Satu surat pekeliling sedang disediakan bagi melaksanakan keputusan tersebut.

SEKOLAH VOKASIONAL DI TENOM

26. Datuk Kadoh Agundong minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang membina sebuah Sekolah Vokasional di Tenom, Sabah. Jika ada bilakah kerja-kerja pembinaan tersebut dapat dimulakan.

Dr Leo Michael Toyad: Setakat tahun 1988 Negeri Sabah akan mempunyai 7 buah Sekolah Menengah Vokasional seperti di bawah:

- | | |
|--------------------------|---|
| 1. Bahagian Kudat | — 1 buah (SMV Kudat) |
| 2. Bahagian Pantai Barat | — 1 buah (SMV Likas) |
| 3. Bahagian Pendalaman | — 1 buah (SMV Keningau) |
| 4. Bahagian Sandakan | — 1 buah (SMV Sandakan) |
| 5. Bahagian Tawau | — 1 buah (SMV Tawau dan SMV Lahat Datu) |
| 6. W. P. Labuan | — 1 buah (SMV Labuan) |
| Jumlah .. | <u>7 buah</u> |

Memandangkan kepada keadaan kekurangan pelajar (tidak penuh) bagi tiap-tiap sekolah itu maka Kementerian Pendidikan buat masa ini belum memikirkan untuk menambah bilangan Sekolah Vokasional di Negeri Sabah.

KURSUS PILIHAN DI UNIVERSITI MALAYA

27. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah penyiasatan beliau terhadap kontroversi keputusan Senat Universiti Malaya (UM) mengharamkan penuntut-penuntut dari mengambil kursus-kursus pilihan dan dalam bahasa asalnya, terutama dalam bahasa Cina dan Tamil, yang telah menyinggung perasaan orang-orang bukan Melayu;
- (b) adakah Senat UM dengan keputusan ini telah melebihi kuasanya dengan membuat suatu keputusan yang campurtangan dalam bidang dasar yang sepatutnya di bawah kuasa Kementerian sahaja.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus pilihan Universiti Malaya adalah urusan akademik universiti berkenaan. Oleh itu Kementerian Pendidikan telah menyerahkan perkara tersebut untuk pihak universiti menimbangkan keputusan yang dibuat oleh Senat Universiti itu.
- (b) Senat Universiti Malaya memang mempunyai kuasa untuk menentukan hal-hal akademik universiti itu. Isu kursus elektif ini ialah isu akademik dan dengan itu keputusan yang telah dibuatnya itu tidaklah bercanggah dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

BAYARAN TOL DI BANDARAYA—MENGEQUALIKAN

28. Tuan Tan Kok Wan minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan memenuhi permintaan yang disuarakan oleh penduduk-penduduk Kuala Lumpur supaya mengecualikan pengguna-pengguna kenderaan bermotor daripada membayar tol akibat pembinaan 5 buah interchange dalam bandaraya seperti yang dicadangkan;
- (b) jika Kerajaan masih terus mengenakan bayaran tol sila nyatakan bilangan Plaza Tol dan tempat-tempatnya, amaun caj tol yang dikenakan dan tempoh kutipan tol.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Sukalah saya nyatakan di sini bahawa, cadangan pembinaan 5 buah persimpangan bertingkat di dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur yang diswastakan ini adalah di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Menurut keterangan yang diberi kepada saya, projek tersebut adalah sedang dalam peringkat perundingan di antara pihak Kerajaan dengan pihak swasta yang dipilih untuk melaksanakan projek tersebut. Memandangkan projek ini adalah merupakan suatu projek penswastaan, mereka yang dikecualikan daripada membayar tol adalah sepertimana yang termaktub dalam perintah pengenaan tol yang akan diwartakan. Walau bagaimanapun semua kenderaan yang menggunakan jejambat-jejambat tersebut akan dikenakan bayaran tol. Ini adalah perlu bagi membolehkan syarikat swasta yang

melaksanakan projek tersebut mengutip kembali wang pelaburan yang dibiayai untuk projek tersebut. Tindakan ini adalah selaras dengan konsep penswastaaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan, termasuk penswastaaan jalan, di mana pihak swasta yang mengendalikan sesuatu projek penswastaaan itu dikehendaki mengeluarkan terlebih dahulu wang pelaburan modal untuk projek dan dibenarkan pula untuk membuat kutipan balik wang yang telah dilaburkan itu tadi melalui kutipan tol dalam tempoh masa yang ditentukan.

Sungguhpun penduduk-penduduk Kuala Lumpur akan dikehendaki membayar tol bagi maksud menggunakan jejambat-jejambat tersebut, mereka sebaliknya pula akan menikmati faedah dari segi penjimatan masa perjalanan, penjimatan penggunaan petrol dan perjalanan yang lebih selesa disebabkan pengaliran lalulintas yang lebih lancar melalui jejambat-jejambat tersebut.

- (b) Saya juga difahamkan oleh kerana perundingan di antara kedua belah pihak masih dijalankan, maka keputusan terakhir mengenai cadangan bilangan lokasi-lokasi Plaza Tol serta kadar bayaran tol dan tempah kutipan tol belum lagi dapat dipastikan.

KEHAKIMAN MEMPENGARUHI PENTADBIRAN POLITIK

29. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menjelaskan tentang dakwaan bahawa ada pihak dalam bidang kehakiman cuba mempengaruhi pentadbiran politik dan ini boleh merosakkan keunggulan kebebasan sistem demokrasi yang telah

termaktub di dalam Perlembagaan Negara. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku dan apakah cara Kerajaan untuk mengatasi masalah ini supaya tidak timbul kekeliruan serta kekecohan yang boleh menggugat kestabilan politik negara.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Kerajaan percaya pihak kehakiman, sebagai satu organ atau institusi, paling menyedari tentang peranan mereka di bawah Perlembagaan kita dan tentang pentingnya menjaga dan melindungi institusi-institusi dan ciri-ciri sesebuah demokrasi. Malahan itulah tugas mereka.

Satu daripada ciri-ciri sesebuah demokrasi ialah doktrin perasingan kuasa. Kerajaan berpuashati bahawa doktrin ini telah berjalan dengan baik selama ini. Cuma kebelakangan ini ternampak tanda-tanda bahawa kadangkala mungkin batasan peranan yang disyaratkan oleh doktrin itu telah terkeliru atau dilupakan dalam keadaan-keadaan tertentu. Kerajaan akan sentiasa memerhatikan perkembangan dalam perkara ini dan sekiranya ada perkembangan yang meyakinkan bahawa imbalan di antara bahan-bahan itu terancam sehingga akan memudaratkan kepentingan rakyat dan negara, Kerajaan akan mengambil langkah yang sebaik-baiknya mengikut undang-undang untuk memulihkan keadaan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SABAH) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela (Sabah); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PEGUAMBELA (SARAWAK)
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela (Sarawak); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
RACUN (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang."

[12hb Oktober, 1987].

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang berucap semalam, sila teruskan.

3.38 ptg.

Tuan Mohamed bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan atas Rang Undang-undang berkenaan dengan meminda Ordinan Racun 1952. Dalam perbahasan saya semalam, saya telah menekankan supaya pihak Kementerian yang berkenaan perlulah menjalankan serbuan-serbuan yang lebih banyak lagi kerana dengan

mengadakan serbuan-serbuan yang banyak kita boleh merampas bahan-bahan yang diserbukan itu.

Kalau kita lihat sendiri statistik pada tahun 1983, serbuan dibuat di bandar-bandar sebanyak 109, sasaran 286, sasaran yang berjaya 152, bilangan perkara dirampas 2,233. Apakala kita membuat serbuan yang lebih banyak pada tahun 1986, serbuan dibuat ialah 307, jumlah sasaran 851, sasaran yang berjaya 477, bilangan perkara yang dirampas 9,694.

Jadi, di sini jelaslah bahawa apabila kita memperbanyakkan serbuan-serbuan yang dibuat, maka sudah barang tentu banyak perkara yang dirampas.

Dengan sebab itu, saya menyarankan supaya Kementerian Kesihatan membuat serbuan-serbuan yang lebih banyak di bandar-bandar tertentu supaya kita dapat merampas lebih banyak lagi.

Walaupun Pegawai Penguatkuasa hanya lebih kurang 62 orang sahaja, pegawai Farmasi yang menjalankan serbuan ini, tetapi saya fikirkan kejayaan itu adalah baik. Kalau sekiranya Kerajaan menambahkan lagi pegawai, ditempatkan di tiap-tiap daerah misalnya sudah barang tentu banyak lagi serbuan-serbuan boleh dibuat. Maka Kerajaan perlulah memikirkan bersama tentang menambah kakitangan Pegawai Penguatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana hasrat Kerajaan meminda Ordinan Racun 1952 adalah bertujuan untuk mengadakan kawalan yang lebih ketat lagi ke atas racun-racun yang dikelaskan sebagai bahan "psychotropic" dan untuk kebaikan rakyat ramai di negara kita, maka saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

3.41 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak menerangkan di sini apa langkah sahaja yang diambil melalui Rang Undang-undang ini untuk mencegah, untuk mengawal bahan-bahan "psychotropic" adalah ke arah yang betul. Akan tetapi, saya hendak menekankan di sini bahawa sebarang kawalan dan sekatan ke atas penggunaan ubat-ubat "psychotropic" ini sepertimana kawalan ke atas dadah yang lain akan menimbulkan tindak balas dan akibat-akibat yang tertentu. Akibat ini kadangkala ada baik seperti mungkin akan mengurangkan penyalahgunaan ubat "psychotropic" ini. Akibat yang buruk pun akan timbul seperti harga ubat haram ini akan meningkat dan stigma sosial bagi pengguna-pengguna ubat-ubat ini pun akan wujud.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kawalan ke atas ubat-ubat "psychotropic" ini, masyarakat akan menyaksikan bukan sahaja stigma sosial bahkan juga satu drug using subculture yang baru, drug psychotropic subculture, kerana memang dengan kesusahan untuk mendapat ubat-ubat "psychotropic" ini pengguna-pengguna ubat ini akan menyertai kumpulan yang tertentu. Kumpulan ini dapat memperolehi ubat-ubat haram ini dengan cara-cara yang tidak sah dan ini menimbulkan satu subculture yang tidak baik.

Dan dengan ini saya ada satu cadangan bahawa pihak Kerajaan mengkaji cara-cara penguatkuasaan Rang Undang-undang seperti yang dibentangkan di dalam Dewan ini supaya prestasi dan keberkesanan penguatkuasaan ini dapat dipertingkatkan.

Pada hemat saya, setakat ini walaupun terdapat pelbagai akta yang digunakan untuk mengawal dadah dan ubat-ubat haram seperti

"psychotropic", keberkesanan dan prestasi penguatkuasaan itu tidak memuaskan. Ini wujud kerana sikap setengah-setengah ahli penguatkuasaan yang tidak begitu menggalakkan. Sebab itulah kita perlu adakan kursus ataupun sekolah latihan untuk ahli-ahli penguatkuasaan ini supaya mereka benar-benar memahami apakah fungsi, peranan dan tugas mereka. Dan malangnya, Kementerian Kesihatan tidak ada sekolah latihan seperti ini ataupun kursus-kursus yang berkesan untuk melatih ahli-ahli penguatkuasa.

Dengan adanya subculture yang anti-sosial ini kita dapat menyaksikan satu interaksi yang kurang sihat kerana pengguna-pengguna ubat-ubat haram ini yang hendak mendapatkan bekalan ubat haram ini terpaksa berinteraksi dengan golongan-golongan yang mempunyai norma yang tidak serupa dengan masyarakat biasa. Dan pihak Kementerian pun setahu saya tidak ada kajian yang teliti terhadap masalah seperti ini. Maka cuma mengadakan Rang Undang-undang seperti yang dibentangkan petang ini tidaklah bermakna kalau tidak ada kawalan ataupun kajian ke atas aktiviti-aktiviti anti sosial yang telah saya sebutkan tadi.

Perhubungan di antara tindak balas sosial dan pola penggunaan ubat-ubat "psychotropic" ini adalah sangat kompleks, sangat rumit dan sehingga sekarang saya pun tidak nampak Kementerian Kesihatan mengambil langkah untuk memahami perhubungan yang rumit ini. Sebab itulah saya berharap pihak Kerajaan dapat mengambil tindakan yang lebih positif bukan sahaja untuk membentangkan Rang Undang-undang kawalan bahkan juga untuk memastikan bahawa akibat daripada mengadakan Rang Undang-undang seperti ini tindak balas dan interaksi yang wujud dapat juga dikawal dengan lebih ketat.

Tuan Yang di-Pertua, senarai yang dibentangkan untuk ubat-ubat "psychotropic" ini memang wajar tetapi saya tidak nampak bagaimana pihak Kementerian dapat menyempurnakan senarai ini dari masa ke semasa kerana dengan perkembangan dan kemajuan di dalam bidang pengeluaran ubat-ubat, bidang perubatan, ubat yang baru, ubat "psychotropic" yang baru akan dikeluarkan dari masa ke semasa.

Kita terpaksa lah mewujudkan satu kaedah untuk menyempurnakan senarai ubat-ubat psikotropik yang disebut tadi kerana ubat-ubat psikotropik ini mempunyai kesan yang boleh menimbulkan bahaya ke atas kesihatan seseorang kerana kesannya ke atas otak, ke atas sistem-sistem yang lain termasuk jantung dan hati.

Akhir sekali, saya menyeru sekali lagi supaya satu sekolah latihan diadakan untuk ahli-ahli penguatkuasa yang akan menguatkuasakan Rang Undang-undang tersebut apabila Rang Undang-undang ini menjadi Akta kelak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pagoh.

3.53 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta membahaskan Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Ordinan Racun 1952. Pindaan Ordinan Racun 1952 ini adalah sejajar dengan peruntukan yang lebih ketat ke atas racun yang dikelaskan sebagai bahan psikotropik di bawah Konvensyen Bahan-bahan Psikotropik 1971 yang telah ditandatangani oleh negara kita Malaysia.

Sebagai salah sebuah negara yang menandatangani Konvensyen ini, seharusnya mengambil peranan yang

lebih serius di atas penyalahgunaan bahan-bahan psikotropik yang merbahaya dan beracun. Telah banyak kes-kes di mana berlaku seseorang yang tidak berkuasa dan berkelayakan sebagai ahli farmasi, doktor pergigian dan vertarinar yang berlesen telah menjalankan pengimportan dan pembekalan racun ini sama ada di tempat yang tutup atau secara mobile, dengan izin, dari satu kawasan ke satu kawasan atau rumah ke rumah. Dengan adanya kawalan ini, kes-kes seperti di atas akan dapat dibanteras dan kepentingan keselamatan dan kesejahteraan orang ramai akan lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian perlulah mengkemaskinikan sistem perlesenan dan kebenaran di atas pengimportan, penjualan, pemilihan, penstoran, pengiklanan dan penggunaan supaya mereka yang tidak bertanggungjawab tidak terlepas daripada kawalan dan menerima hukuman yang sewajarnya.

Langkah ini adalah sangat menepati dari segi masa di mana negara kita Malaysia sedang berusaha membanteras habis-habisan tanpa tolak-ansur terhadap wabak penyakit dadah yang melanda negara ini. Kita tidak ada masa untuk memberi peluang kepada sebarang ransangan ke arah penyalahgunaan dan penagihan bahan-bahan psikotropik yang membawa kepada penggunaan dan penagihan bahan-bahan dadah merbahaya seperti morphin, kokain dan lain-lainnya.

Bagi memastikan kawalan berkesan ke atas perlesenan dan kebenaran serta penyimpanan bahan-bahan yang termasuk sebagai dadah berbahaya ini, Kementerian perlulah mengkaji kemungkinan menghadkan pada jumlah tertentu bahan-bahan yang hendak dimasukkan stok dan ini boleh mengelakkan daripada pemberian kepada pengguna secara mudah dan kemungkinan berlakunya

penyelewengan. Kementerian juga patut tidak lagi mengambil masa dan melengah-lengahkan untuk melaksanakan pendaftaran ubatan di dalam Fasal 2, 3 dan 4. Lebih cepat pendaftaran ini dilaksanakan, akan lebih terselamatlah orang ramai yang selalu tertipu dan terkeliru oleh sebab pengetahuan yang cetek dengan penggunaan bahan ubatan yang terdapat di pasaran tempatan yang tidak berkualiti, berkesan dan selamat untuk digunakan. Pencegahan lebih baik daripada pemulihan dan wabak penyakit mungkin boleh disekat tetapi nyawa yang hilang tidak ada gantinya.

Tuan Yang di-Pertua, peranan Lembaga Iklan Ubat Malaysia patut juga dikemaskinikan dan tindakan diperhebatkan bagi menghapuskan kerja-kerja pengiklanan yang tidak bertanggungjawab ke atas ubat-ubatan yang kononnya boleh digunakan sebagai rawatan dan juga penyembuhan kepada mangsa-mangsa penyakit berbahaya seperti kanser buah pinggang, jantung, tenaga batin dan juga lain-lainnya.

Tujuan pengiklanan yang ingin mengaut keuntungan semata-mata, tanpa mengira kesan buruk kepada pesakit harus dielakkan. Bagi menjadikan pengawalan bahan-bahan psikotropik lebih konprehensif dan berkesan dan memenuhi kehendak Konvensyen, Kementerian hendaklah menyebarkan dengan seluas-luasnya senarai bahan-bahan psikotropik yang telah dijudualkan kepada orang ramai melalui sebaran yang luas seperti Radio, Televisyen, akhbar dan risalah-risalah yang boleh didapati dengan percuma di tempat-tempat yang mudah di samping peranan Jabatan-jabatan Kesihatan yang patut mengkerapkan lagi usaha-usaha memberikan penerangan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, penalti bagi kesalahan di bawah Ordinan Racun ini memanglah wajar supaya penalti lebih

tinggi ke atas kesalahan ini diperuntukkan. Dalam hal penyalahgunaan peraturan Ordinan ini patut tidak ada tolak ansur. Pesalah yang telah melanggar Ordinan ini berulang kali patut dikaji semula lesennya dan jika perlu patut digantung lesen sehingga ke satu jangka masa yang cukup di samping rampasan ke atas ubat-ubatan yang dijual tidak mengikut peraturan. Terpujanglah kepada Lembaga Kawalan Ubat untuk memberi pertimbangan di atas sebarang rayuan.

Langkah ini penting kerana statistik 1984 hingga 1987 Ogos, kes yang didakwa oleh Unit Penguatkuasa menunjukkan bahawa jumlah kesalahan adalah sentiasa tinggi dan jumlah kesemuanya ialah 770 kes. Walaupun denda dikenakan berjumlah kesemuanya \$845,315 tetapi risikonya yang diterima terhadap kesihatan dan kesejahteraan rakyat lebih tinggi daripada itu. Rekod-rekod penggunaan dadah berbahaya hendaklah kerap kali diperiksa oleh Unit-unit Penguatkuasaan Farmasi dan untuk memudahkan tugas serta berkesan patutlah diadakan satu sistem rekod simpanan yang standard untuk tujuan memberi laporan kepada Kementerian dan juga bagi tujuan pemeriksaan oleh Unit Penguatkuasa Farmasi.

Bagi melicinkan dan mengesan lebih berjaya lagi, penguasaan Ordinan ini, pegawai penguatkuasa farmasi harus mempunyai jumlah yang mencukupi dan mempunyai kelayakan dan latihan yang mencukupi supaya tidak selalu berlaku penyalahgunaan kuasa ataupun penyelewengan yang memberi kesan negatif. Biarlah Kerajaan berbelanja lebih kerana kawalan asalkan tidak sampai ketika bila kita tidak dapat mengawal dan menentukan berapa perbelanjaan sebenar semata-mata untuk pencegahan pengubatan dan rawatan yang belum pasti kesannya.

Tuan Yang di-Pertua, Makmal Kawalan Kimia Ubatan Malaysia perlulah memperhebatkan usaha analisa ubat-ubatan yang diperolehi di pasaran tempatan dari masa ke semasa. Dalam hal ini perlulah dikaji semula sama ada ahli kimia ubatan ini sudah mencukupi, sama ada kemudahan untuk menganalisa ini sudah mencukupi dan cukup moden. Diharapkan dengan cara ini tindakan akan lebih berkesan dan tidak menerima tempelak dari bahan-bahan lain seperti persatuan pengguna dan cara ini boleh mengelakkan kebimbangan dan keraguan rakyat sebagai pengguna.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah pun mengemukakan Rang Undang-undang ini bagi dibahaskan dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Padang Terap.

4.01 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membahaskan Rang Undang-undang Akta Racun (Pindaan) 1987 ini. Pindaan Rang Undang-undang ini adalah kena pada tempatnya, walaupun pada pendapat saya ianya adalah agak terlambat sedikit apabila mengambil kira masalah penyalahgunaan dadah yang sekarang ini menjadi satu masalah nasional yang utama sehingga mengatasi ancaman komunis militan.

Ancaman penyalahgunaan dadah sudah pun bertapak lebih kurang 10 tahun yang lalu. Ini telah mengakibatkan lebih dari setengah juta rakyat menjadi penagih dadah. Mengapa hanya pada masa ini baru

pihak Kementerian sedar betapa perlunya diadakan pemeriksaan ke atas bahan-bahan psikotropik yang dibawa oleh kenderaan antarabangsa.

Umum mengetahui bahawa masalah penyalahgunaan bahan-bahan psikotropik, khususnya di negeri-negeri Perlis, Kedah dan Kelantan adalah disebabkan oleh senangnya mendapat bahan-bahan ini di bandar-bandar seperti Hadyai dan Golok di selatan Thailand.

Di desa-desa perbatasan pada masa ini banyak bomoh-bomoh yang menggunakan pil-pil yang diperolehi dari Thailand untuk mengubati penyakit-penyakit. Saya diberi tahu bahawa pil-pil ini adalah lebih mujarab atau, dengan izin, potent, di dalam kesannya menghilangkan kesakitan. Apa yang berlaku ialah pesakit-pesakit di desa ini bergantung sepenuhnya kepada pil ini dan seterusnya kepada bomoh-bomoh berkenaan sehingga akhir hayat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah menyaksikan seorang bomoh memberi sejenis ubat dalam vial untuk pesakit yang mengalami kesakitan akibat bahunya terlucut atau, dengan izin, shoulder dislocation. Ubat ini diperolehi dari Thailand. Senangnya bahan-bahan psikotropik ini dibeli dan dibawa masuk dari Thailand adalah disebabkan ketiadaan pemeriksaan terhadap kenderaan-kenderaan persendirian di check points di perbatasan. Rang Undang-undang yang ada tidak memungkinkan ini tetapi dengan adanya peruntukan yang membenarkan pemeriksaan terhadap kenderaan-kenderaan, saya harap unit-unit penguatkuasaan farmasi dapat meminta tiap-tiap orang untuk membuat declaration, dengan izin, ke atas bahan-bahan psikotropik yang mereka bawa dari Thailand. Dengan adanya peraturan ini, saya pasti bomoh-bomoh kampung yang popular pada masa ini dengan kebolehan menghilangkan kesakitan tidak lagi

menjadi sumber pengagihan dadah-dadah ini yang membahayakan penduduk kampung secara jangka panjang dan juga saya pasti pembawa bahan-bahan ini yang juga kebanyakannya terdiri dari orang-orang kampung ini akan dihentikan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kes yang saya sebut ini janganlah disalahanggapkan bahawa kegiatan membawa masuk mengedar dan mengubati penyakit di kampung-kampung khususnya di kawasan perbatasan adalah merupakan suatu jaringan pengedaran dadah sepertimana yang kita ketahui pada masa ini. Apa yang berlaku sebenarnya ialah hasil dari kejahilan rakyat yang berkenaan mengenai ubat dan perubatan moden. Usaha Kerajaan untuk membawa perubatan moden sebenarnya disambut baik oleh penduduk-penduduk kampung, apa lagi dengan adanya Pusat Kesihatan Desa yang besar seperti di pekan Jitra di daerah Kubang Pasu, tetapi kaedah ubat dan perubatan moden atau perubatan Barat sebenarnya tidak difahami sepenuhnya oleh rakyat. Misalnya rakyat biasa menerima hakikat bahawa apabila mereka berasa sakit, ubat yang paling mujarab ialah cucuk atau, dengan izin, injection ataupun pil-pil untuk ditelan. Golongan yang berpelajaran tahu bahawa injection dan pil-pil ini bukanlah remedy, dengan izin, yang muktamad, tetapi majoriti rakyat tidak tahu. Pada mereka inilah ubat mujarab dan jikalau tidak juga baik sakit mereka, mereka akan cuba mencari injection atau pil-pil dari sumber-sumber lain.

Apabila ada orang-orang yang membawa masuk pil-pil atau vial dari Thailand yang lebih potent, dengan izin, atau lebih mujarab tanpa preskripsi doktor, maka cara itulah yang mereka anuti tanpa menginsafi tentang bahaya jangka panjang. Saya

mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya membuat kajian mengenai masalah ini, khususnya di kawasan-kawasan sempadan termasuk seluruh negeri Perlis, kawasan-kawasan Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Baling dan Grik. Di kawasan-kawasan ini ada ubat-ubat dari Thailand yang sungguh mujarab untuk sakit pinggang, sakit tulang, sakit kelamin dan lain-lain penyakit. Suatu ubat yang disukai ramai pada masa ini di kalangan murid-murid sekolah ialah ubat tahan tidur yang sungguh laris dijual pada musim-musim peperiksaan SRP, SPM dan STP. Di kampung-kampung ubat ini dikenal sebagai ubat Amerika yang dibeli dari Hadyai atau Golok.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan di samping kita memperketatkan kawalan melalui pemberian tafsiran kepada istilah "premises" dan "conveyance" di dalam Ordinan Racun, kita juga perlu mendidik rakyat di dalam kaedah ubat dan perubatan moden. Pendidikan ini boleh bermula pada peringkat interaksi doktor atau jururawat dengan pesakit-pesakit. Apakah salahnya kalau doktor dan jururawat-jururawat menjawab dengan baik pertanyaan pesakit-pesakit mengenai ubat yang diberikan kepada mereka. Tetapi apa yang berlaku di hospital-hospital Kerajaan ialah keengganan doktor dan jururawat berbuat demikian, malah sebilangan besar dari mereka bersikap sombong dan aloof, dengan izin. Saya pasti ini bukanlah code of behaviour yang dikehendaki oleh Sumpah Hippocrates kerana doktor-doktor dan jururawat-jururawat yang sama apabila mereka masuk private practice, dengan izin, mereka menjadi peramah dan bersopan-santun. Dan pendidikan seterusnya bolehlah dilakukan di dalam mana-mana bentuk yang pihak Kementerian berasa sesuai dan berkesan dan saya fikir pihak Kementerian adalah lebih arif di dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pindaan Rang Undang-undang ini saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian kepada penjualan sarung-sarung ubat atau kapsul-kapsul kosong. Saya dapati banyak pembuat ubat-ubat tradisional persendirian menjual ubat-ubatan mereka secara mengisikannya ke dalam kapsul-kapsul ini. Cara ini adalah baik dari segi persembahan barangan, tetapi di sebalik itu bahaya racun mungkin menunggu. Mengapa tidak, kerana dengan cara ini kemungkinan bahan-bahan tradisional yang selamat dicampurkan dengan bahan-bahan yang merbahaya seperti plumbum, arsenic, raksa dan seterusnya morphine untuk menjadikan ubat mereka lebih mujarab ataupun lebih potent.

Kalau ubat-ubatan tradisional dibiarkan dijual di dalam keadaan aslinya, kita boleh lihat sendiri keasliannya di dalam bentuk akar kayu, daun-daun, herba-herba, cicak mengkarung, lidah buaya, tanduk badak, kepala kambing gurun dan lain-lain lagi. Kita mesti ingat di zaman manusia berlumba-lumba mencari duit, apa sahaja akan mereka lakukan untuk mendapat laba. Saya mencadangkan supaya kawalan juga dibuat ke atas penjualan sarung capsule ini, hanya pembuat ubat tradisional yang didaftarkan sahaja diberi kebenaran menggunakannya. Pada masa ini terlalu banyak orang yang mengeluarkan banyak ubat seperti ubat cacing, ubat kencing manis dan lain-lain yang mereka pasarkan di dalam bentuk capsule. Umum menjadi keliru dengan persembahan begini. Adakah ubatan-ubatan ini dikeluarkan oleh makmal-makmal yang established, dengan izin, selepas diuji dengan teliti atau adakah ianya dikeluarkan di belakang rumah tanpa apa-apa ujian makmal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

4.11 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan bagi membahaskan Suatu Akta untuk meminda Ordinan Racun 1952 yang mana Ordinan ini untuk meminda masalah yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini berhubung dengan ubat-ubatan yang mengandungi racun-racun yang mengakibatkan manusia menjadi mangsanya.

Dalam soal ini juga, dalam ucapan penjelasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada petang semalam yang menyatakan perkara ini telah pun ke taraf merbahaya kerana adanya pihak-pihak yang tertentu demi hendak mengaut kesempatan untuk mencari keuntungan mereka ini tidak memikirkan keselamatan orang ramai, asalkan mereka ini mendapat kesempatan, untuk mengaut kemewahan dan sebagainya. Oleh itu, dalam masalah ini saya rasa saya juga menyokong di atas Rang Undang-undang ini supaya dapat dilaksanakan bagi mencegah masalah-masalah yang akan berlaku. Umpamanya, masalah dadah yang sekarang ini, yang mana negara kita dan negara-negara lain menganggap masalah dadah ini adalah satu musuh yang begitu ketara pada masa sekarang ini khasnya di negara Malaysia ini dan juga di Kuala Lumpur, khasnya di Wilayah Persekutuan.

Apa yang saya dapat tahu soal dadah ini hampir-hampir di tiap-tiap kampung dan di lorong-lorong penghisap-penghisap dadah berluas-luasan berlaku. Malam tadi sahaja perkara ini telah berlaku sehinggakan ada salah seorang ahli daripada

kawasan saya yang cuba untuk mengatasi masalah ini telah dipukul oleh pihak yang menghisap dadah ini. Dalam soal ini kita mengharap dengan adanya undang-undang yang ada pada hari ini, saya nampak masalah dadah ini makin hari makin menjadi. Kalau kita tidak awasi ini akan membahayakan.

Sebagaimana disebutkan tadi dadah ini datangnya daripada kenderaan-kenderaan antarabangsa yang telah disebutkan membawa dadah masuk ke dalam negara ini, iaitu masalah yang disebutkan sebagai psikotropik. Bahan ini dicampurkan kepada bahan-bahan makanan yang sangat membahayakan. Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan Kementerian Kesihatan dan Kementerian lain, sungguhpun dari segi dadah ini berlaku kita juga mengharapkan supaya pihak Kementerian mengawasi kedai makanan dan minuman kerana mereka ini juga rasa saya, di dalam laporan, ada dicampurkan juga bahan-bahan ini untuk menjadi penyedap makanan sehinggakan orang akan datang selalu. Ini juga patut diambil ingatan oleh pihak Kementerian yang berkenaan. Di samping itu juga di penjara-penjara, para-para banduan yang telah keluar daripada penjara, mereka ini juga mengatakan di penjara-penjara dadah-dadah dan seumpamanya ini senang didapati. Oleh itu, apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Penjara kerana dadah-dadah ini senang sangat didapati di dalam penjara sedangkan kawalan begitu ketat, tetapi bagaimanakah dadah ini boleh masuk ke dalam penjara. Kalau dalam penjara pun dadah dapat masuk, bagaimana lagi kawasan-kawasan yang tidak dapat dijaga, ini akan mendatangkan bahaya yang lebih.

Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkanlah sebagaimana yang telah diterangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri supaya Akta ini dapat dijalankan dan di samping itu

juga kita mengharapkan supaya cara-cara ubat yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi, ubat-ubat tradisional yang mana kita lihat sekarang ini di kaki-kaki lima berlambak-lambak orang yang menjualnya yang mengatakan ubat itu, ubat ini dan seterusnya. Saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian mengambil siasatan di atas semua ubat-ubat yang dijual oleh mereka itu kerana kita takut dengan keadaan ini juga, di samping mereka menjual ubat gatal dan seterusnya tetapi sebenarnya adalah ubat-ubat itu untuk satu-satu masalah yang lain.

Soal yang lain pihak-pihak doktor juga supaya dapat dikawal dengan rapi kerana doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab ini juga, apa yang saya faham mereka ini juga sama-sama menjalankan usaha untuk menjualkan bahan-bahan makanan, bahan yang dikatakan ini kepada pengguna-pengguna, dan saya dapat tahu ada juga doktor-doktor mengajar kepada salah seorang yang pergi berjumpa dengannya, dia kata kalau tidak dapat dadah ataupun apa yang diperlukan, awak boleh ambil Panadol, masukkan dalam air coca-cola, digoncang, ia pun boleh menjadi macam dadah juga, ada kick. Ini diajarkan oleh pihak doktor kepada orang-orang ini. Rasa saya doktor yang tidak bertanggungjawab bersama-sama untuk menjalankan hasutan atau penjualan untuk memberikan peluang berlebihan dalam soal dadah dalam negara kita ini.

Oleh itu, dalam masalah ini saya suka menyokong di atas Rang Undang-undang ini supaya dapat dijalankan bagi mengelakkan perkara-perkara yang berlaku yang disebutkan. Dengan ini saya juga menyokong di atas Ordinan Racun 1952.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Timbalan Menteri Menjawab.

4.18 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada seramai 11 orang Ahli Parlimen, Ahli Dewan Rakyat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Racun ini dan saya ucapkan terima kasih di atas segala sokongan yang diberi di atas usul kita membawa pindaan ini.

Kebanyakan hujjah yang ditimbulkan di sini adalah berkaitan dengan kelemahan dalam kita mengawal keadaan di mana ubat-ubat yang mengandungi bahan-bahan racun, khasnya bahan-bahan psikotropik tidak dapat kawalan yang ketat. Dan sebenarnya tujuan kita membawa pindaan ini kepada Dewan yang mulia ini adalah untuk membolehkan kita mengaturkan pemeriksaan dan penguatkuasaan yang berasingan yang lebih dalam dan lebih ketat.

Angka-angka mengenai kerja-kerja yang dijalankan pada masa ini khasnya mengenai serbuan-serbuan ke atas tempat-tempat menjual ubat-ubat mengandungi racun dan psikotropik ini telah pun saya beri dalam ucapan saya dan telah pun disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Ini jelas menunjukkan bahawa kita sedang mengaturkan langkah-langkah penguatkuasaan yang menyeluruh dan ketat, tetapi nampaknya ada juga banyak cara-cara yang digunakan oleh beberapa sumber untuk teruskan penjualan bahan-bahan psikotropik ini. Rampasan yang kita buat menunjukkan bahawa pembekalan dan penjualan bahan-bahan psikotropik ini sedang meningkat tahun demi tahun dalam beberapa tahun yang lalu, kepada satu keadaan yang merunsingkan.

Yang meyakinkan kita bahawa tanpa peraturan-peraturan yang berasingan untuk mengawal ubat-ubat psikotropik ini kita akan menghadapi satu situasi, dengan izin, out of control kerana bahan-bahan psikotropik ini adalah bahan-bahan yang boleh digunakan sebagai bahan penggantian untuk najis dadah, bahan-bahan narkotik dan tanggungjawab dalam perkara ini untuk menjaga, mengawal preskripsi, pembekalan dan penjualan ubat-ubat yang mengandungi bahan-bahan psikotropik ini adalah di atas semua pihak, pihak para perubatan iaitu doktor-doktor yang mempreskripsikan dan mendispensekan ubat-ubatan ini secara tidak berawas-awas di mana preskripsi tanpa had untuk kegunaannya, iaitu pakai untuk beberapa hari preskripsi terbuka "open prescription" oleh para doktor menjadi satu daripada sumber membawa kepada penyalahgunaan bahan-bahan psikotropik ini.

Kedua, pembekalan oleh ahli-ahli farmasi walaupun bertauliah dan berlesen, tetapi pembekalan juga secara tidak berawas-awas.

Ketiga, yang merunsingkan kita, yang harus kita mengaturkan strategi yang lebih ketat lagi ialah ubat-ubat yang dibawa masuk melalui kenderaan-kenderaan baik dari laut ataupun darat daripada negeri-negeri yang asing.

Ketiga-tiga aspek ini merunsingkan kita dan kita berkehendakkan kerjasama daripada profesion perubatan, farmasi perubatan dan juga orang ramai untuk sentiasa mengawal bahawa bahan-bahan psikotropik ini, ubat-ubat yang dipreskripsikan oleh doktor tidak disalahgunakan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah dalam ucapan beliau menyebut bahawa Kementerian ini sangat lewat mengambil langkah kerana Konvensyen mengenai bahan-bahan psikotropik ini adalah

Konvensyen tahun 1971, walhal kita baru sahaja membawa pindaan-pindaan untuk menyelaraskan undang-undang kita dengan konvensyen tersebut.

Harus saya sebutkan di sini bahawa Malaysia telah menjadi ahli kepada Konvensyen ini dan kita telah mengiktiraf Konvensyen itu hanya pada bulan Oktober tahun 1986 dan selepas itu kita terpaksa mengaturkan beberapa langkah untuk menyelaraskan tindakan undang-undang dan sebagainya dengan perkara Konvensyen tahun 1971 itu. Walau bagaimanapun Kementerian telah beberapa tahun yang lalu mengaturkan kawalan yang ketat kepada bahan-bahan psikotropik dengan mengeluarkan beberapa guideline dan beberapa arahan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam farmasi dan perubatan. Kita telah dapat beberapa kejayaan dalam pengawalan yang diaturkan sebelum ini, khasnya mengenai ubat-ubat seperti "Rohitnol", pil Roche dan sebagainya telah dapat perhatian yang mendalam dan saya rasa dalam perkara ini penyalahgunaan mengenai ubat-ubat seperti itu pada masa ini adalah di had minima, tetapi masalahnya dalam perkara ini bahawa bahan-bahan psychotropic ini bermacam-macam senarainya, panjang sampai besok hari pun tidak boleh habis dan masalah untuk mengawal segala ubat-ubat itu adalah satu perkara yang besar.

Untuk menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya amat suka hati kerana beliau balik untuk mendengar jawapan pada petang ini tanpa balik ke rumah.

Dalam 1½ tahun yang lalu kita telah mengaturkan beberapa tindakan untuk dapat mengawal keadaan seperti itu. Beliau telah mengatakan bahawa pindaan ini dengan senarai jadual itu tidak praktikal dan beliau bimbang tidak dapat dilaksanakan, tetapi pada

tahun 1985/1986 kita telah menguatkuasakan satu peraturan untuk menubuhkan satu Lembaga Pendaftar Bahan-bahan Ubat "Central Drug Registration Authority", dan melalui itu kita hanya membenarkan pengimportan dan pemasaran ubat-ubat yang telah pun didaftarkan oleh Lembaga tersebut. Jadi tidak ada ubat yang boleh dipasarkan di pasaran Malaysia ini, yang pada masa ini peringkat ini mengandungi bahan-bahan racun yang dapat dipasarkan tanpa pendaftaran.

Pada masa ini jika ada ubat-ubat baru yang belum dipasarkan di sini ataupun didiscover dalam masa-masa yang akan datang ubat itu terpaksa didaftarkan dengan Lembaga sebelum ubat itu dapat dijual dalam Malaysia. Dengan itu terkawallah peningkatan dalam senarai bahan-bahan ubat yang mengandungi racun dan kita cadang untuk mengawal juga beberapa ubat-ubat yang lain "over the counter drugs", dengan izin, dan sebagainya dalam masa-masa yang akan datang. Jadi Ahli Yang Berhormat tidak usah bimbang dalam perkara itu. Kita telah mengambil beberapa langkah sebelum ini juga untuk menentukan kawalan yang lebih ketat dan yang lebih berhasil dalam perkara ini.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan! Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengawal ubat-ubat yang diseludup daripada Thailand dan negara-negara jiran yang lain, sebab ini merupakan satu masalah yang besar?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai peringkat itu kemudian, sabarlah sedikit.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Seremban bahawa dengan adanya pindaan ini dan peraturan-peraturan mengenai bahan-bahan psychotropic, bahawa secara automatik penyalahgunaan bahan-bahan ini tidak akan habis atau akan hilang. Kita memang akan melihat pasaran gelap dalam perkara ini, pasaran yang tidak halal dalam perkara ini dan kita harus mendirikan satu kempen yang hebat dan kuat di kalangan para profesional dan orang ramai tentang akibat-akibat menjadi penagih kepada bahan-bahan psychotropic ini, secara berleluasa dan Kementerian bercadang dengan kerjasama daripada bahan-bahan anti narkotik dalam perkara ini dan kita akan menyediakan beberapa langkah termasuk cara-cara kawalan stok, penjualan dan sebagainya di atas perkara ini dan kita akan juga minta kerjasama daripada media-massa dalam perkara ini.

Mengenai pasukan pemeriksaan atau pasukan penguatkuasaan, beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyebut tentang perkara itu, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Lembah Pantai, Pagoh, Tasik Cenderoh, Padang Terap dan sebagainya. Memang kita terpaksa memperkuatkan pasukan penguatkuasaan ini dan pada masa ini kita mempunyai lebih daripada 60 pegawai profesional dalam pasukan penguatkuasaan dan selain daripada itu ada beberapa pegawai dari Kementerian yang lain juga yang akan membantu dalam perkara ini.

Satu pasukan dalam keadaan ekonomi kita, keadaan establishment Kementerian Kesihatan satu pasukan yang kuat juga tetapi memang kita belum mempunyai tenaga profesional yang cukup untuk menjalankan usaha ini secara menyeluruh, jadi kita terpaksa lebih discriminating, dengan izin, lebih memilih cara-cara yang kita gunakan.

Jadi, cara-cara yang kita menggunakan adalah terdiri daripada pengawalan di pintu-pintu masuk seperti ditanya tadi oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kepong, pengawalan di pintu-pintu masuk yang penting seperti di sempadan utara, di pelabuhan-pelabuhan yang besar, di Subang Airport dan pejabat-pejabat pos besar dan sebagainya. Kadangkala pegawai-pegawai kita ditempatkan di situ sepenuh masa, di lain-lain tempat seperti di sempadan di Kelantan dengan Golok, saya rasa pegawai-pegawai itu adalah bertugas masa bekerja dan boleh dipanggil apabila ada package-package atau bahan-bahan yang dibawa masuk disyaki oleh pegawai-pegawai kastam, polis dan sebagainya. Jadi mereka adalah oncall belum dapat ditugaskan mereka sepenuh masa. Di pejabat-pejabat pos biasanya kita menempatkan pegawai sepenuh masa di Pejabat Pos (Bungkusan) di Brickfields dan sebagainya, di lain-lain tempat parcel-parcel, bungkusan-bungkusan yang dikirim ditahan di pejabat pos itu sehingga dapat pemeriksaan daripada pegawai-pegawai.

Jadi, kita terpaksa campur aduk cara kira menguatkuasakan, saya rasa kita akan sampai satu masa di mana semua kapal, semua kereta, semua bungkusan, semua kedai, semua pharmacy, semua klinik dapat diperiksa setiap hari, tidak ada, jadi kerjasama dan response daripada para profesional, orang ramai, ibu-bapa, guru-guru dan sebagainya untuk kita mencegah kegunaan adalah lebih penting, mencegah penyalahgunaan bahan-bahan psikotropik ini adalah lebih penting.

Kita tidak seperti disalah fahamkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kepong, kita tidak melarang atau tidak bertujuan menghapuskan penjualan bahan-bahan psikotropik ini, dalam hujah beliau saya takut beliau percaya

bahawa pindaan ini bertujuan bahan-bahan psikotropik. Apa yang kita cadangkan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Dato' K. Pathmanaban: Nanti saya habiskan, boleh jelaslah. Tunggu sekejap. Minta maaf.

Apa yang dicadangkan ialah kawalan yang ketat dalam cara kita menguatkuasakan kawalan kepada bahan-bahan racun dalam Kumpulan Satu, Kumpulan Pertama, jadual racun kepada Ordinan Racun ini.

Jadual ini mempunyai satu senarai yang berkehendakkan pengimport-pengimport bahan ini menyimpan satu senarai setok dan mereka bertanggungjawab kepada pihak berkuasa tentang kebenaran jadual, senarai itu dan mereka, doktor-doktor yang mendispenkan atau mempreskripsi, ubat-ubat ini terpaksa juga menyimpan rekod yang betul dan menyeluruh tentang berapa banyaknya ubat yang dibeli dan berapa banyak dijual atau diberi kepada pesakit, kepada siapa diberi dan sebagainya. Butir-butir lengkap terpaksa disimpan dan pegawai-pegawai penguatkuasa telah bila-bila masa pun membuat serbuan atau penyiasatan, pemeriksaan kepada kedai-kedai pharmacy, klinik-klinik ataupun di mana-mana tempat disyaki ubat ini tersimpan untuk menentukan bahawa rekod itu adalah benar dan jika terdapat kadar kegunaan yang disyaki, doktor-doktor itu akan disiasat tentang penyalahgunaan cara preskripsi dan dispen doktor-doktor itu. Ada beberapa orang doktor saya rasa telah pun diberi amaran yang kuat tentang cara-cara mereka preskripsi dan dispen ubat-ubat, khasnya yang mempunyai ubat-ubat yang bahan-bahan psikotropik kerana ada juga di kalangan doktor yang menjual sahaja begitu ubat-ubat yang mengandungi bahan-bahan psikotropik tanpa memeriksa pesakit itu dan tanpa

memerhatikan bahawa pesakit yang datang untuk mendapatkan bahan-bahan psikotropik itu adalah seorang penagih dadah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Silakan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi Yang Berhormat berlagak seperti minat untuk memutar-belit sebagai pakar belit sahaja. Saya tidak pernah mengatakan bahawa Kerajaan akan mengharamkan penjualan ubat-ubat psikotropik ini.

Cuma saya kata memang betul kita hendak mengawal dengan ketat penggunaan ubat seperti ini, akan tetapi keberkesanan pengawalan dan penguatkuasaan itu tidak memuaskan walaupun Yang Berhormat tadi menyatakan dengan terus terang, oh, ini telah berjaya, kawalan itu ketat dengan berkesan. Itu cakapan sahaja lepas batuk ditangga sahaja. Tidak membayangkan kakikatnya. Tiap-tiap Ahli Parlimen di sini boleh pergi ke kedai-kedai ubat termasuk pharmacy, cuba tengok sama ada saudara/saudari dapat membeli ubat psikotropik atau ubat-ubat yang lain senang sahaja, tidak susah tanpa preskripsi. Itulah maksud saya dan saya hendak menekankan di sini sebahagian besar doktor itu menurut peraturan yang tertentu, mengikut cara yang betul dengan preskripsi mengenai ubat-ubat psikotropik ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya belum sebenar-benarnya menjawab kepada hujah Ahli Yang Berhormat dari Kepong, bila saya sampai beliau akan dengar tetapi secara sambilan dan secara ringkas sahaja saya sebut beberapa aspek yang dibangkitkan dan saya akan jawab kepada hujah beliau dalam perkara ini.

Dalam perkara salahguna ini, memang ada penuntut-penuntut, atlit-atlit dan sebagainya juga yang bukan penagih dadah tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu mereka menyalahgunakan bahan-bahan psikotropik ini dan perkara itu pun harus dikawal oleh guru-guru oleh ibubapa, oleh doktor-doktor yang menjaganya atau menasihatkan pasukan atlit dan sebagainya segalanya itu adalah perkara yang harus dijaga.

Dalam usaha kita menguatkuasakan Ordinan Racun ini, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan satu aspek iaitu beliau mencadangkan bahawa tuan punya syarikat yang menjual bahan-bahan psikotropik harus juga didakwa bukan sahaja pekerjaannya.

Memang pada masa ini undang-undang membolehkan tuan punya syarikat itu didakwa di bawah peruntukan undang-undang ini dan biasanya kita mencari tuan punya syarikat yang benar-benar menjalankan operasi pembekalan dan penjualan itu untuk didakwa tetapi kadangkalanya orang gaji, pekerja-pekerja dilepaskan untuk menjaga klinik-klinik atau kedai-kedai farmasi sepenuh masa. Kita tidak ada pilihan melainkan untuk mendakwa pekerja sepenuh masa itu kerana mereka yang terlibat secara langsung ialah pekerja itu. Tetapi undang-undang mengizinkan kita mendakwa tuan punya, taukeh syarikat itu dalam perkara pengurusan kedai-kedai itu yang lemah, yang tidak mengaturkan kawalan yang ketat kepada pegawai dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai pula telah menyebut beberapa aspek mengenai kewalan dan menyebut beberapa perkara yang berkaitan dengan ubat-ubat tradisional. Ahli yang Berhormat dari kawasan Padang Terap juga telah menimbulkan perkara ini, iaitu adalah disebutkan bahawa ubat-ubat

tradisional walaupun dihalalkan, diizinkan oleh undang-undang untuk penjualan di pasaran kita, ada kalanya ubat tradisional itu dicampur dengan ubat-ubat yang dikawal di bawah Akta Racun.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah mencadangkan bahawa kita mengharamkan atau mengawasi penjualan sarung kapsul yang biasanya dibeli oleh orang-orang seperti ini dan diisikan dengan bahan campur ubat tradisional dan ubat racun, khasnya ubat-ubat psikotropik dan sebagainya. Saya memang bersetuju bahawa kita mesti kawal perkara-perkara seperti itu. Pada masa ini pun di bawah Ordinan Racun kita tidak ada kebenaran atau keizinan untuk pihak yang mengamalkan, praktis perubatan tradisional untuk membekal atau menjual bahan-bahan yang dikawal di bawah Akta Racun, mereka tidak ada mempunyai hak atau keizinan untuk menjual atau menyelenggarakan bahan-bahan yang dikawal di bawah Ordinan Racun, ubat-ubat tradisional itu tidak dibenarkan dipasarkan yang dicampur seperti itu dan mereka yang didapati salah boleh dikenakan denda yang berat juga termasuk hukuman penjara dalam perkara itu. Ada juga dalam penyiasatan kita beberapa kali di gudang-gudang ubat tradisional Chinese Medicine Hall, dengan izin, di gudang-gudang perubatan cara ayurvedic dan sebagainya yang didapati beberapa bahan yang dicampur dengan ubat yang lain termasuk bahan-bahan racun yang terkawal termasuk juga bahan psikotropik dan kejadian itu adalah dipandang hebat oleh kita dan kita memang akan menggunakan kuasa di bawah Akta Racun ini untuk mengawal kejadian perkara-perkara ini.

Cadangan bahawa kita kawal penjualan sarung kapsul itu memang saya akan membawa balik untuk pertimbangan selanjutnya tetapi saya

rasa bukan senang untuk kita membuat demikian kerana bahan-bahan itu adalah kecil. Tetapi dalam pengimportan bahan-bahan seperti ini secara halal melalui pintu-pintu masuk yang sah, saya rasa kita dapat kawal pada masa ini. Apa yang dibimbangkan, apa yang terdapat kita memerhatikan secara penuh adalah pengimportan secara menyeludup di pintu masuk yang tidak sah, di sempadan melalui perahu dan sebagainya. Jadi, kuasa yang diberi di bawah pindaan ini untuk kita menyiasat, memeriksa kenderaan-kenderaan yang masuk ke perairan atau pintu masuk kita di darat adalah satu kuasa yang baik dan kita akan cuba mengetatkan perkara-perkara seperti itu. Pada masa ini pun saya rasa jika ada orang mengimport sarung kepsul secara besar-besaran, pihak kastam akan menahan bungkusan itu di pintu masuk dan pegawai-pegawai kita akan diminta untuk menjalankan siasatan dan pegawai kita akan minta kepada pengimport itu apakah kegunaan yang ditujukan bahan yang diimport itu tetapi kita akan siasat dalam perkara itu dengan lebih lanjut.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyebut beberapa perkara, khasnya mengenai ubat-ubat tiruan dan ubat-ubat tradisi. Ubat tradisi saya telah sebutkan tadi. Kita memang pada masa akan datang, dalam beberapa tahun akan datang kita telahpun merancang untuk mengadakan kawalan yang lebih ketat di atas ubat tradisi. Kita di bawah Lembaga Pendaftaran Ubat-ubat yang telahpun pada masa ini menyelesaikan permohonan untuk pendaftaran bahan-bahan racun, pada masa ini sedang menyediakan kerja-kerjanya untuk mendaftar bahan-bahan ubat yang Over the Counter (OTC) drug, dengan izin, iaitu ubat-ubat yang biasanya tidak memerlukan preskripsi daripada doktor boleh dijual di farmasi dan tempat-tempat yang lain.

Lembaga Pendaftaran Ubat-ubat akan mendaftar segala ubat OTC dalam setahun dua yang akan datang. Selesaiya kerja itu Lembaga akan tumpukan perhatiannya kepada ubat-ubat tradisi dan selepas itu kepada bahan-bahan kosmetik dan sebagainya. Jadi, semua ini ada dalam rancangan. Kerja-kerjanya terpaksa dijalankan secara peringkat demi peringkat kerana masalah-masalah yang tertentu dalam menjalankan segala tugas secara sekali gus. Tetapi walau bagaimanapun, kita akan mengadakan kawalan yang lebih ketat ubat-ubat tradisi yang pada masa ini dapat dijual dalam pasaran dengan bahan psychotropic, bahan racun dicampur di dalamnya.

Mengenai ubat-ubat tiruan, tujuan kita mendaftar ubat-ubat dengan Lembaga Pendaftaran Ubatan adalah untuk menentukan bahawa ubat ialah:

- (1) berkesan;
- (2) tidak mempunyai kesan sampingan yang buruk, yang tidak terkawal;
- (3) bahawa lebel-lebelnya dan claim yang dibuat untuk ubat itu tidak keterlaluan (excessive claim);
- (4) bahawa ubat-ubat itu tidak meduplikasikan ubat yang lain, dicampur dengan ubat-ubat yang tadi murah atau lebih senang atau lebih berkesan dijual sebagai ubat berasingan dan sebagainya.

Banyak tujuan yang kita buat, kita mempunyai dalam mendaftar segala ubat-ubat pada masa ini dan satu daripadanya adalah untuk mengawal ubat-ubat tiruan.

Jadi, ubat-ubat yang tidak didaftarkan khasnya pada masa ini yang mempunyai bahan-bahan racun tidak dapat dipasarkan dalam pasaran kita dan sudah tentu ubat tiruan yang

tidak didaftarkan akan dikenakan kawalan yang ketat dan tindakan yang kuat mengenai pasarannya.

Ada masalah mengenai ahli-ahli perubatan ataupun farmasi yang tidak didaftarkan pada masa ini yang tidak bertauliah yang menjalankan tugas. Memang terdapat tempat-tempat seperti itu dan kita pada masa ini dalam beberapa tahun dahulu sudahpun menjalankan penyiasatan di atas segala maklumat yang diberi kepada kita atau kita sendiri dapat cari tentang amalan farmasi ataupun praktis perubatan oleh mereka yang tidak bertauliah dalam perkara ini dan ada banyak kes di mana kita telah mendakwa mereka di mahkamah, kenakan denda, penjara dan sebagainya dan kita akan teruskan kerja itu.

Mengenai iklan ubat-ubat satu usaha yang kita jalankan dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara ini bahawa kita harus mengawal iklan ubat-ubat yang mempunyai claim-claim yang tidak diizinkan oleh undang-undang ataupun membuat claim yang tidak betul ataupun membuat claim yang keterlaluan dan kita harus kawalnya dalam majalah, dalam media massa yang lain, dalam suratkhobar dan sebagainya dan ada tuduhan bahawa kita terlalu lambat mengambil tindakan.

Dalam perkara ini kita memang boleh mengambil tindakan di atas majalah-majalah, surat-suratkhobar juga yang membuat siaran tentang iklan ubat yang tidak didaftarkan atau tidak dapat kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat dan saya boleh memberi angka-angka tentang tugas kerja-kerja yang dijalankan oleh Lembaga Iklan Ubat itu.

Dalam tahun 1986 sahaja Lembaga ini telah memperolehi permohonan daripada 497 contoh iklan yang dikemukakan untuk kelulusan dan

pada tahun ini juga Lembaga telah menapis dan meluluskan sebanyak 366 iklan dan biasanya iklan yang sudah mempunyai kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat itu di bawah iklan itu sendiri mempunyai satu catatan atau satu sebutan "LIU" dengan nombor kelulusannya atau sebagainya.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh memerhatikan pada masa-masa akan datang tentang iklan-iklan dalam majalah ataupun suratkhobar bolehlah kita cari adakah nombor kelulusan itu disebutkan dalam iklan, jika tidak, bolehlah membantu kita dengan memberitahu, tetapi ada pegawai di Kementerian, pasukan kawalan kita mempunyai pegawai-pegawai yang mempunyai tugas sepenuh masa membaca majalah-majalah dan surat-suratkhobar dan sebagainya untuk menentukan bahawa iklan-iklan yang dikeluarkan itu adalah sah, sudah dapat kelulusan daripada Lembaga dan sebagainya dan kerja kita ini dijalankan secara memuaskan di Kementerian pada masa ini. Walaupun lambat sedikit untuk mengambil tindakan di mana terdapat salah, kelambatan itu bukan disebabkan oleh Kementerian sahaja, ada beberapa pihak lain yang terlibat dalam mendakwa seseorang ke mahkamah dan kita sedang menjalankan kerja secara bersungguh-sungguh dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah membuat beberapa cadangan yang saya rasa membina mengenai kawalan iklan, sistem rekod dan tentang makmal kawalan kimia perubatan dan memang kita menerima beberapa cadangan itu dan sedang menjalankan usaha-usaha itu.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah juga sebut satu aspek dalam penyalahgunaan ubat-ubatan itu. Yang penting bahawa rakyat di beberapa tempat dan dalam beberapa

keadaan tidak faham dengan sepenuhnya tentang perubatan moden itu dan rakyat di beberapa keadaan tidak memahami bahawa semua ubat itu mempunyai kesan sampingan dan kita perlulah berjaga-jaga bahawa ubat-ubat itu digunakan, dimakan secara yang dinasihatkan oleh doktor ataupun mengikut nasihat dan cadangan yang terkandung di atas label ubat itu. Jika kita tidak memerhatikan nasihat doktor dalam menggunakan ubat-ubat itu ataupun tidak memerhatikan ubat-ubat yang dibeli di kedai-kedai ubat OTC (over the counter) tidak mengikut nasihat dan syarat-syarat yang tertulis, tercatat di atas label-label, saya rasa akibat dan kesan sampingan itu akan buruk.

Dalam perkara Panadol pun, walaupun saya tidak dapat terima bahawa jika Panadol dicampur dengan Coca Cola boleh jadi bahan psikotropik, seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, saya bukan pakar dalam perkara itu, tetapi Panadol pun yang dianggap sebagai satu ubat yang biasa jika tidak digunakan secara dinasihatkan oleh doktor boleh menjadi bahaya kepada kesihatan kita. Telan Panadol begitu banyak boleh juga membawa kepada perjumpaan kita dengan Tuhan (we will meet our maker). Tetapi dalam perkara ini, memang kita harus memperkuatkan lagi pendidikan kesihatan di kalangan masyarakat dan kita bersama-sama dengan media massa, TV, Radio, surat-suratkhbar dan sebagainya sedang mengatur kempen yang lebih hebat dan kita telah dalam setahun dua yang lalu mengadakan beberapa seminar dengan wartawan-wartawan untuk "health journalism" untuk memaklumkan kepada mereka tentang perkara-perkara seperti ini untuk menarik perhatian mereka untuk menulis dan memberitahu, memaklumkan kepada rakyat tentang

aspek-aspek seperti ini, bukan menumpu kepada cerita-cerita yang menarik sahaja seperti bayi yang dilahirkan tanpa jagaan dan sebagainya. Jadi, ada banyak pendidikan kesihatan yang positif, mesej-mesej yang dapat dimainkan oleh pihak media massa, guru-guru dan sebagainya dan kita akan menumpukan lebih masa, lebih usaha untuk membuat demikian.

Tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai mengenai penjualan ubat di kaki lima dan sebagainya, ada banyak ubat gatal dan sebagainya yang dicampur, juga dengan ubat-ubat yang lain, Kementerian Kesihatan selalu menghadapi pertanyaan-pertanyaan seperti ini. Sukalah saya mengatakan bahawa di Kementerian, kawalan pasukan kita telah pun mengaturkan satu strategi yang saya rasa baik untuk melawat ke pasar-pasar malam ini dan jalan di kaki lima di banyak bandar-bandar untuk membuat serbuan di atas ubat-ubat yang dijual.

Sejauh ini kita tidak dapat mengesan bahawa ubat-ubat yang mengandungi racun yang tidak diizinkan dijual di pasar-pasar seperti ini secara berleluasa, tidak ada dikesan, tidak ada maklumat yang dapat kita kumpulkan. Walaupun kita mempunyai inspektor malam dan sebagainya untuk menjalankan tugas-tugas ini dan ada giliran yang ditetapkan kepada pegawai-pegawai ini untuk menjalankan penyiasatan, pemeriksaan, serbuan dan sebagainya tetapi kita tidak banyak kes didapati. Saya sukalah menasihatkan, walau bagaimanapun.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri

bercadang hendak mengadakan satu daftar (register) untuk mendaftarkan ubat-ubat tradisional? Kalau tidak ada daftar (register) mana boleh disiasat ubat itu?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di sini pada masa saya menjawab soalan itu. Memang kita bercadang untuk mendaftarkan segala ubat tradisional juga tetapi pada masa ini kita menjalankan juga kajian, serbuan, kawalan kepada ubat-ubat tradisional untuk menentukan jika ubat-ubat itu mengandungi bahan racun yang tidak diizinkan kepada pengamal-pengamal perubatan tradisional dan kita sudah menjalankan tindakan ini. Jadi ubat-ubat yang diambil contohnya daripada penjual-penjual di kaki lima atau pasar malam dihantar ke makmal kimia untuk diperiksa dan ditentukan sama ada mengandungi bahan-bahan racun dan sebagainya. Itulah yang saya sebutkan daripada angka-angka yang saya memperolehi bahawa tidak ada bahan-bahan yang mengandungi racun daripada ubat-ubat yang dijual di kaki lima.

Saya memang mengakui angka yang kita sebutkan pun dapat menjelaskan bahawa di kedai-kedai farmasi, di kedai-kedai gudang ubat tradisional Cina, India ataupun Indonesia, kita mempunyai satu keadaan di mana penyalahgunaan dan penjualan bahan-bahan ubat yang mengandungi racun, mengandungi bahan-bahan psikotropik dan sebagainya adalah satu yang excessive, yang berleluasa. Dan rampasan yang kita membuat itu kebanyakannya adalah daripada tempat-tempat seperti itu, tetapi bukan di kaki lima.

Seerti saya sebutkan tadi terdapat banyak bahan ubat dijual di kaki lima, pasar malam dan penjualan ubat di kaki lima itu tidaklah sehingga ini menunjukkan satu keadaan yang

merunsingkan, walaupun saya rasa mungkin ada satu-dua tempat serbuan kita berjaya mengesan penjualan ubat yang tidak halal tetapi secara meluas tidak ada. Jadi, apa yang menjadi masalah adalah di kedai-kedai ubat, farmasi, gudang-gudang ubat tradisional melalui klinik-klinik di mana doktor-doktor persendirian tidak begitu mengawal preskripsi mereka dan bekalan mereka kepada pesakit-pesakit atau mereka yang datang ke klinik.

Dan sekarang ini, saya hendak tumpukan jawapan saya kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Malangnya beliau sudah keluar, tidak ada di sini lagi, jadi beliau juga mungkin akan menimbulkan perkara yang sama. Saya tidak langsung dapat menerima sikap beliau dalam membincangkan perkara ini, oleh kerana saya bukan seorang doktor, saya memang tidak mempunyai pendidikan dalam bidang perubatan. Saya bukan seorang doktor macam Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap yang pun tidak ada. Tetapi saya seorang biasa, tetapi apabila saya menjawab di sini, yakni saya menyebutkan atau memberikan ucapan di sini ataupun di tempat lain, bukan kerana saya tahu secara mendalam melalui pendidikan saya dalam bidang perubatan, tetapi saya seorang Timbalan Menteri yang dinasihatkan oleh para pegawai yang terlatih, yang mempunyai tauliah yang sah, yang mempunyai pengalaman yang luas dengan laporan-laporan dan angka-angka yang dibekalkan kepada saya melalui pekerja biasa Kementerian Kesihatan.

Jadi, apa yang saya jawabkan ini bukanlah temberang sahaja seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan saya tidak mahu berlagak sebagai seorang pakar perubatan. Saya adalah seorang Timbalan Menteri yang mempunyai

tanggungjawab untuk mengawasi perkara-perkara ini. Kalau ditukarkan ke Kementerian yang lain, saya akan juga berusaha untuk mendapat tahu tentang kerja di Kementerian itu. Saya dapati sudah beberapa kali Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu mengatakan bahawa kita temberang sahaja di sini dan Ahli Yang Berhormat itu sebagai seorang doktor, saya rasa telah beberapa kali dalam Dewan dan diluar, beliau lebih tepat untuk mendapat 'gelaran' seperti itu, bukan saya.

Dalam perkara ini, memang saya tidak dapat faham di atas apa yang dikatakan oleh beliau. Adakah beliau bercadang bahawa kita tidak perlu pindaan-pindaan kepada Akta Racun ini atau apakah cadangan alternatif beliau untuk kita mengatasi perkara ini. Cakap sahaja dan membangkang segala yang dibawa, tidak ada nasihat atau cadangan yang positif dan membina untuk mengawal satu keadaan yang merunsingkan semua pihak. Di Dewan ini, saya rasa tidak ada Ahli Yang Berhormat yang lain yang manafikan betapa pentingnya pindaan-pindaan ini.

Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong nampaknya tidaklah bersetuju di atas perkara ini. Beliau bercakap sahaja mengatakan ini dan itu dan menyebutkan beberapa perkataan "drug using sub-culture", "tindak-balas yang buruk" dan sebagainya dengan tidak ada fahaman tentang apa yang ditunjukkan oleh pindaan ini. Saya hendak tahu daripada beliau sebagai seorang pengamal perubatan yang mempunyai pengalaman, adakah cara-cara yang lain untuk kita mengawal. Kita tidak mencadangkan untuk melarang atau menghapuskan penjualan atau pembekalan ubat-ubat yang mengandungi bahan-bahan psikotropik.

Apa yang dicadangkan oleh pindaan ini adalah untuk membawa peruntukan-peruntukan yang berasingan, yang jelas, yang mendalam dan lanjut serta menyeluruh tentang bahan-bahan psikotropik untuk membolehkan kita berkehendakkan rekod-rekod yang berasingan tentang bahan-bahan psikotropik untuk kita menjaga, mengawasi penjualan, pembekalan, sistem stocking dan sebagainya dan untuk menentukan bahawa bahan-bahan ini tidak dijual secara berleluasa oleh para profesion farmasi ataupun doktor dan penyeludupan di seberang sempadan (across the boundaries) dapat dikawalkan dan sebagainya. Banyak perkara yang dicadangkan ini, saya rasa, akan membawa kebaikan juga.

Saya tidaklah mempunyai mimpi bahawa kita akan dapat menghapuskan segala penyalahgunaan bahan-bahan psikotropik itu — tidak — tetapi kita harus mengawal keadaan yang jelas membahayakan.

Serbuan-serbuan kita kepada gudang-gudang perubatan, klinik-klinik dan sebagainya telah menghasilkan rampasan yang saya rasa begitu banyak. Dalam tahun 1986 lebih kurang 347,000 pil telah di rampas, kerana tidak disimpan atau dibekalkan secara halal, secara yang diperlukan dalam undang-undang yang sedia ada. Itu pun satu angka yang besar dan apa yang dirampas mungkin sebahagian sahaja daripada apa yang dijual, dibekalkan dan digunakan oleh rakyat dan pemuda-pemudi kita. Dalam tahun 1987 angka-angka menunjukkan bahawa rampasan itu akan berterusan di peringkat yang tinggi juga yang merunsingkan dan kita harus fikirkan cara-cara untuk kita mengawal perkara ini.

Hanya satu cadangan yang dibuat bahawa pihak-pihak Pegawai-pegawai Penguatkuasa harus diberi

latihan yang lebih lanjut, harus kita mengadakan sebuah sekolah untuk melatih Pegawai-pegawai Penguatkuasa. Kerana beliau tidak suka Pegawai-pegawai Penguatkuasa, mereka pernah juga membuat serbuan ke klinik beliau sendiri.

Jadi, dalam perkara ini kita memang serius dalam tujuan kita dan jika ada cadangan-cadangan yang lebih baik kita boleh timbangkan. Jika hendak memburukkan Menteri, hendak memburukkan pindaan, hendak memburukkan keadaan, hendak memburukkan Kementerian saya rasa tidak ada guna kita dengar beliau lebih lanjut di Dewan ini.

Mengenai cadangan mengadakan kaedah-kaedah untuk menentukan apakah bahan-bahan psikotropik yang harus dimasukkan dalam jadual kepada Akta Racun ini yang dibolehkan oleh pindaan. Saya rasa beliau tidak baca peruntukan-peruntukan yang dibawa di dalam Rang Undang-undang jelas mengatakan bahawa sebelum Menteri dapat meminda atau menambah kepada Jadual Keempat yang ditambah kepada Akta Racun melalui pindaan itu, Menteri harus membincangkannya dengan Lembaga Racun. Lembaga Racun itu mengandungi beberapa Pegawai dan orang yang menjadi pakat dalam penentuan ini. Dan beliau sendiri telah mengakui, berbagai-bagai, beratus-ratus ubat-ubatan yang psikotropik dan sebutan beliau bahawa senarai ini tidak lengkap. Tiap-tiap hari kita dapat ubat-ubat yang ditambah dalam bidang psikotropik ini dan apakah cara yang lebih baik melainkan kita dapat mengatakan bahawa senarai itu senarai jadual bahan-bahan psikotropik, senarai keempat kepada Akta ini diberi perhatian yang mendalam oleh sekumpulan pakar dalam perkara-perkara ini untuk menasihati kepada Menteri jika perlu

tambah kepada senarai. Ini bukan dibuat dengan sewenang-wenangnyanya. Bukan Menteri itu berlagak sebagai pakar tetapi dinasihati oleh Lembaga Racun dan sebagainya.

Beliau mencadangkan kita mengadakan sebuah sekolah berasingan untuk melatih Pegawai-pegawai Penguatkuasa undang-undang ini. Saya rasa cadangan itu memang baik jika boleh ada sekolah untuk melatih berbagai-bagai kumpulan pegawai-pegawai, saya rasa baik juga. Jika ada pegawai tangkapan atau lain ada sekolah untuk latih mereka. Ada pegawai Kastam, sekolah lain, pegawai Imigresen sekolah lain, Pegawai Pos sekolah lain, pegawai JPJ sekolah lain, pegawai Farmasi sekolah lain, pegawai lain sekolah lain. Baguslah. Banyak sekolah lagi baik banyak pengangguran di kalangan kita. Jadi, banyak sekolah kita boleh jalan. Tetapi kita harus praktikal dalam perkara ini. Kita mempunyai lebih-kurang 62 hingga 70 pegawai di peringkat profesional dibantu oleh beberapa orang pegawai di dalam kumpulan Pembantu Farmasi dan kita tidak mencukupi business.....

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun).

Dato' K. Pathmanaban: Nanti sekejap, saya habiskan dulu. Kita tidak mencukupi business untuk mewujudkan sebuah sekolah berasingan. Jadi, sementara waktu kita tidak mempunyai sekolah berasingan seperti itu. Kita menggunakan Sekolah Latihan Polis di Kuala Kubu Bharu di mana saya rasa banyak kumpulan Pegawai-pegawai Penguatkuasa di Jabatan-jabatan yang lain dihantar untuk dapat latihan dalam urusan penyiasatan, urusan pendakwaan dan sebagainya. Dan kursus itu pada hemat kita adalah memuaskan pada masa ini ditambah dengan beberapa kursus yang lebih pendek jangka masanya yang

diaturkan oleh kita sendiri, pegawai-pegawai daripada Jabatan Peguam Negara melatih pegawai-pegawai kita. Dan juga kita telah menghantar, akan juga menghantar beberapa orang pegawai kanan ini ke luar negeri untuk meninjau keadaan dan dapat membawa balik idea-idea yang baru, dapat kemajuan dalam bidang penguatkuasaan undang-undang seperti ini mengenai bahan-bahan racun. Dan kita sedang sungguh-sungguh dalam perkara ini. Ini bukan cakap sahaja. Kita sedang mengaturkan segala ini. Dan sejauh ini, saya rasa. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' K. Pathmanaban: Nanti sekejap, saya habiskan dulu. Sejauh ini Kementerian merasa puas hati tentang cara-cara pengamalan dijalankan di atas beberapa tugas yang diberikan kepada Pasukan Penguatkuasa. Tidak ada banyak kelemahan yang nampak dan jika ada kelemahan kita dapat mengaturnya dengan sebaik-baiknya. Sekarang boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya fikiran Yang Berhormat tadi kurang tepat dan fahaman beliau ke atas masalah penguatkuasaan ini pun kurang jelas. Kerana dengan adanya hanya 62 ahli penguatkuasa di dalam pasukannya macam mana kita hendak mengawal semua aktiviti mengenai ubat-ubat psikotropik dan lain-lain lagi di seluruh negara termasuk Sarawak dan Sabah. Dan saya tidak nampak bagaimana pihak Kementerian dapat menjalankan tugas yang berkesan dengan pasukan yang begitu kecil. Yang keduanya dengan itu sistem latihan ini. Saya tidak nampak bagaimana pihak Kementerian

Kesihatan dapat melatih ahli penguatkuasa dengan sempurna kerana walaupun itu kenyataan tadi daripada zahirnya nampak memuaskan tetapi kalau kita meneliti isi kandungan kenyataan tadi kita nampak tidak ada satu, dengan izin, organised system of training. Latihan yang bersistem untuk mewujudkan pasukan penguatkuasa yang berkesan yang berdedikasi. Sebab itulah saya cadangkan satu sekolah latihan. Kalau tidak sempat jadi saya sekurang-kurangnya hendak menyaksikan satu sistem latihan yang lebih teratur, organised system of training. Sekian, terima kasih.

(*Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dato' K. Pathmanaban: Saya lagi mahu dengar apakah cadangan organised system of training, apakah kelemahan-kelemahan sistem sekarang dan sebagainya. Jadi, duduk tadi. Itu cakap besar sahaja Yang Berhormat dari Kepong. Saya telah menjelaskan beliau keluar tadi, jadi tidak dengar apa yang saya cakap. Saya tidak suka hendak ulangkan apa yang saya sebut.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Dato' K. Pathmanaban: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Saya memang dengan panjang lebar tadi mengakui jika ada sekolah berasingan baiklah. Buat sekolah berasingan untuk tangkap nyamuk, sekolah berasingan untuk kita membuat lain

dan sebagainya. Baik, bagus itu. Rancangan berasingan 3 tahun jika jadi 10 tahun. Panjang umur pun baik. Jadi anak-anak boleh jadi pandai dan sebagainya. Tetapi kita kena praktikal dalam perkara ini. Dalam masa 4 tahun kita dapat mendirikan satu pasukan kawalan yang sekarang ini mempunyai lebih kurang 70 pegawai.

Ahli Farmasi profesional yang kadangkala mempunyai postgraduate training di seberang laut dan sebagainya dalam beberapa perkara berkaitan bukan sahaja pendakwaan tetapi dari segi kawalan mutu-mutu ubat, kawalan penilaian dan sebagainya dalam beberapa perkara mempunyai satu sistem yang pada masa sekarang ini memuaskan. Kita memang akan dapat membaikinya apabila mempunyai resources yang lebih, pegawai yang lebih dan sebagainya. Akan tetapi pada masa ini seperti yang saya kata usaha-usaha menguatkuasakan yang dijalankan oleh pasukan ini kita mempunyai pendapatan bahawa cara-cara ini memuaskan. Kita boleh membaikinya lagi.

Kita mempunyai pakar-pakar daripada Food and Drugs Administration dari U.S.A. yang datang ke negara kita. Dari Australia, dari England untuk melatih pegawai-pegawai kita. Jadi, bukan buat sebarang sahaja training seperti difikirkan oleh Ahli Yang Berhormat. Bukan begitu kita menjalankan perkara ini. Dalam perkara ini, kita serius. Dan kita sedia menerima cadangan-cadangan yang membina. Tetapi malangnya Ahli Yang Berhormat dari Kepong selalu dalam fikirannya, dia sahaja pandai, tidak ada orang lain yang pandai.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dato' K. Pathmanaban: Belum habis. Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhir, saya ingin sekali lagi untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini, melainkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang tidak dapat menyumbang secara konstruktif kepada pindaan ini dan saya harap kita akan dapat mengawasi pindaan ini dari masa ke semasa dalam amalannya, dalam kerja praktikalnya dan jika perlu, pindaan ini telah membolehkan Menteri membuat peraturan yang lebih lanjut.

Kita akan berusaha secara sungguh-sungguh untuk membuat kawalan seperti itu melalui pindaan-pindaan kepada peraturan, kepada jadual kepada cara-cara kita mengumpulkan dan mengatur usaha pengawalan itu. Dan ini adalah sebahagian sahaja dalam usaha kita mencegah penyalahgunaan najis dadah. Perkara-perkara bahan psikotropik ada sebahagian sahaja dalam usaha kita menghapuskan atau mencegah penyalahgunaan dadah itu. Saya rasa dari segi pengawalan adalah satu usaha yang penting yang harus kita menjalankan dan saya harap para profesional, para ahli farmasi, doktor-doktor, ibu-bapa, guru-guru, ketua-ketua masyarakat, Ahli-ahli Parlimen dan sebagainya akan dapat memberi kerjasama dalam kita mengurangkan penyalahgunaan bahan-bahan psikotropik ini.

Pada media massa juga, saya harap kita dapat kerjasama dalam kita membawa pendidikan kesihatan dalam perkara-perkara, cara-cara penggunaan ubat yang lebih selamat, lebih sihat dan sebagainya untuk kita berjaya dalam matlamat mewujudkan sebuah masyarakat yang bersih daripada najis dadah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan

masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

AKTA ACARA KEWANGAN 1957

Menambah Butiran Baru "Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia"; dan "Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab laut"

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 10(4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran-butiran baru seperti berikut:

"Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia"; dan "Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut".

Mengikut peruntukan seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, Dewan Rakyat boleh dari masa ke semasa dengan ketetapan meminda, memotong atau menambah Jadual Kedua Akta tersebut. Kerajaan bercadang menubuhkan dua Kumpulan Wang Amanah di bawah seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957 yang dinamakan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dan Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu memberi penjelasan sedikit mengenai tujuan-tujuan penubuhan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia. Adalah menjadi hasrat kerajaan menggalakkan kemajuan ekonomi para belia dalam konteks pembangunan sosio ekonomi negara. Kumpulan Wang Amanah ini adalah sebagai langkah membiayai rancangan pembangunan ekonomi belia. Penubuhan Kumpulan Wang Amanah ini adalah juga merupakan salah satu strategi iaitu strategi Kerajaan untuk melahirkan satu masyarakat belia berdikari dalam bidang keusahawanan dan pertanian dan bidang-bidang yang berkaitan.

Untuk mencapai matlamat tersebut, melalui Kumpulan Wang Amanah ini, Kerajaan akan menyalurkan wang pinjaman kepada peminjam-peminjam di kalangan belia-belua yang berminat bagi membiayai rancangan pembangunan ekonomi belia. Penubuhan Kumpulan Wang Amanah ini akan membolehkan Kerajaan Persekutuan membiayai dan menyalurkan wang pinjaman untuk melaksanakan program seperti Rancangan Belia Niaga, Rancangan Perniagaan Kecil dan Rancangan Belia Peladang. Di samping itu, jika didapati sesuai dan munasabah wang dalam Kumpulan Wang Amanah ini akan dilaburkan bagi tujuan menambahkan sumber kewangannya.

Bagi membiayai penubuhan Tabung Kumpulan Wang Amanah ini buat permulaannya, sebanyak \$3 juta akan diperuntukan kepada Tabung Kumpulan Amanah ini dalam tahun 1987. Jika perlu dan didapati sesuai dan munasabah, peruntukan bagi Tabung Kumpulan Wang ini akan ditambah dari masa ke semasa mengikut keadaan. Di samping itu, simpanan daripada agensi-agensi swasta dan badan-badan tertentu ke dalam Kumpulan Wang Amanah ini. Kutipan wang bayaran balik daripada peminjam-peminjam yang telah mendapat pinjaman di bawah program Rancangan Belia Niaga, Rancangan Perniagaan kecil dan Rancangan Belia Peladang juga akan dimasukkan semula ke dalam Kumpulan Wang Amanah ini.

Selanjutnya keuntungan yang diperolehi melalui pelaburan daripada wang dalam kumpulan wang ini diharapkan akan dapat menambahkan jumlah wang dalam kumpulan wang ini. Dengan tertubuhnya tabung ini adalah diharapkan pihak Kerajaan akan dapat mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia di samping dapat menggalakkan belia belia ke arah usaha sendiri. Kumpulan sasaran yang akan dapat faedah daripada Tabung ini adalah belia-belia yang berumur di antara 18 tahun hingga ke 30 tahun dan berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan ke bawah. Ini merupakan salah satu langkah ke arah mewujudkan masyarakat budaya niaga dan budaya tani yang berkesan dan agar terbina satu culture, untuk kejayaan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "success culture" di kalangan belia-belia negara ini pada masa kini dan masa hadapan. Kumpulan Wang Amanah ini akan diletakkan di bawah pengawalan Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin memberi penjelasan pula mengenai tujuan penubuhan Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut.

Adalah menjadi dasar Kerajaan bagi melindungi dan mengekalkan alam semula jadi sama ada di darat ataupun di laut. Di samping itu adalah juga menjadi hasrat Kerajaan supaya alam semula jadi ini dapat memberi faedah kepada negara terutamanya bagi menggalakkan dan mengadakan industri pelancongan dan reaksi di negara ini. Hasrat Kerajaan ini akan tercapai sekiranya perancangan, pelaksanaan, penyenggaraan dan penguatkuasaan ke atas alam semula jadi ini dapat dibuat dengan cekap dan berkesan. Oleh itu, bagi memelihara dan membangunkan alam semula jadi di kawasan perairan Malaysia termasuk pulau-pulau, Kerajaan bercadang menubuhkan satu tabung amanah, Melalui penubuhan tabung ini adalah dijangkakan ianya akan dapat memudahkan rancangan-rancangan pembangunan, pengurusan dan penyenggaraan taman-taman laut dan reserve laut. Wang dari tabung ini akan digunakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti penyediaan kemudahan untuk pelawat-pelawat seperti tempat penginapan, kemudahan pengembaraan di hutan, di pulau dan di laut, menjalankan program penyelidikan dan pendidikan perlindungan sumber laut, pembelian dan pengambilan tanah, pengurusan dan pelaksanaan projek-projek pelancongan.

Sebagai permulaan Kerajaan akan membuat sumbangan awal sebanyak \$10 juta kepada tabung ini. Jika didapati perlu dan munasabah, Kerajaan akan menambah peruntukan kepada tabung ini dari masa ke semasa mengikut keadaan. Adalah diharapkan dan dibenarkan pihak swasta juga sama ada secara individu ataupun organisasi akan membuat sumbangan kepada tabung ini jika boleh dengan syarat-syarat tertentu. Kutipan bayaran perkhidmatan atau fees, dengan izin, dan kemudahan-kemudahan yang ada disediakan akan dapat membantu mengukuhkan lagi

kewangan tabung ini. Tabung amanah ini akan diletakkan di bawah pengawalan Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.33 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian membahaskan cadangan daripada Kementerian Kewangan berhubung dengan jadual Kedua, Akta Acara Kewangan bagi meminda butir-butir berkenaan dengan tujuan menubuh Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dan Tabung Amanah Taman Laut dan Rezb Laut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kepentingan pemuda dan pemudi ataupun belia dan beliawanis kepada negara, sebuah bidalan sangat terkenal kepada kita iaitu pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara. Kata keramat ini sesungguhnya memberi makna yang besar kepada kita sekiranya kita cuba menyelami apa yang tersirat di dalamnya. Bidalan ini meminta kita meninjau, merapati dan mengkaji secara lebih dekat kedudukan pemuda-pemudi ataupun belia-beliawanis di masa ini.

Perkembangan muntakhir di kalangan muda-mudi ataupun belia kita boleh membimbangkan kepada semua orang yang cintakan bangsa dan negara. Perkembangan muntakhir ini ada hubungan dengan program dan

perancangan kita sendiri iaitu program dan perancangan yang berkehendakan kepada program jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, di mana kita sedar bahawa haluan jangka panjang itulah yang akan menentukan corak belia kita. Haluan itu seperti acuan yang menentukan kuihnya. Haluan yang tepat dan jitu sangatlah penting kepada belia negara dan bangsa. Oleh itu dalam soal memberi perhatian kepada belia kita tidak boleh membuat sesuatu hanya sekadar untuk memenuhi syarat atau seperti kata pepatah: melepas batuk di tangga. Perbuatan seperti ini menunjukkan ketidak-sungguhan dalam memandu generasi hari ini ke arah haluan yang tepat dan jitu. Janganlah kita seperti mereka yang mudah terpengaruh dan terikat dengan situasi sementara persis penerimaan belia masa kini terhadap rock, punk, break dance dan hippies yang semuanya merupakan saluran kebudayaan sementara. Kementerian Belia dan Sukan wajarlah merangka dan membuat sesuatu program yang dapat dibanggakan oleh belia dan rakyat seluruhnya.

Bagaimanapun saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Belia dan Sukan kerana daya usaha menubuhkan dan mencadangkan Tabung Pembangunan Belia ini yang dibawa oleh Kementerian Kewangan. Di segi namanya cukup menimbulkan kehairahan kepada pemikiran belia dan pemikiran bangsa untuk melibat diri dan menghasilkan sesuatu untuk masa depan belia. Tetapi memandangkan jumlah peruntukan dan tujuannya terlalu sempit iaitu Belia Peladang dan Belia Niaga, maka matlamat dan program ini adalah sangat terlalu sementara. Oleh kerana programnya terlalu sementara dan singkat maka tentulah ianya untuk jangka pendek, maka program jangka pendek ini walaupun ianya berfaedah tetapi tidak boleh memberikan haluan kepada belia. Haluan yang akan

menentukan kejayaan belia, bangsa dan negara, haluan yang dapat melahirkan suatu idealisma baru dalam bentuk sebuah falsafah bangsa yang konkrit, yang dapat memulih semangat perjuangan untuk membangunkan bangsa dan negara, haluan yang dapat melahirkan generasi baru yang boleh dipertanggungjawabkan nasib masa depan bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$3 juta ini terlalu kecil kalau dibandingkan dengan jumlah belia yang ada, terlalu kecil kalau kita ukur dengan keperluan dan harga belia di masa depan kepada negara. Sebagai contoh, peruntukan ini kecil kalau dibandingkan dengan jumlah skandal BMF iaitu 833.33 kali ganda lebih kecil. Kalau dibandingkan dengan belanja membuat Jambatan Pulau Pinang ianya 283.33 kali lebih kecil. Jadi, adakah harga dan kumpulan belia sekecil perbandingan itu. Bagaimana kita dapat melahirkan pemuda harapan bangsa dan pemudi tiang negara kalau peruntukan untuk pembangunan mereka hanya \$3 juta sahaja. Bagaimana kita dapat melahirkan generasi yang berhaluan kalau kita tidak merancang untuk program jangka panjang dengan suatu peruntukan yang munasabah. Bagaimana kita dapat melahirkan belia yang progresif dan dinamik kalau program melalui Tabung Pembangunan Belia terlalu sempit dan sangat sementara.

Walaupun kita telah diberi jaminan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, peruntukan itu akan ditambah jika ianya berkesan, tetapi kita percaya peruntukan-peruntukan yang lebih besar wajarlah dipertimbangkan dan kita yakin peruntukan ini akan ditambah daripada satu masa ke satu masa tanpa diragu-ragukan lagi.

Peruntukan ini adalah terlalu kecil. Saya mengatakan begitu sebab kalau kita bandingkan pula bukan sahaja

dengan projek-projek popular di negara ini, tetapi kita bandingkan dengan jumlah negeri dan daerah yang terdapat di Malaysia, kalau dibahagikan kepada 14 buah negeri termasuk Wilayah, bermakna setiap negeri mendapat \$214,285.71 dan kalau kita bahagikan mengikut kawasan Pilihanraya Parlimen, setiap kawasan akan menerima sebanyak \$16,949.52 dan kalau mengikut kawasan Parlimen di Malaysia Barat, setiap kawasan menerima hanya \$22,727.27. Jelaslah betapa kecilnya peruntukan ini. Kalau peruntukan ini dibandingkan dengan jumlah graduan menganggur dan belia menganggur keseluruhannya maka jelaslah peruntukan ini terlalu kecil. Cuba bandingkan peruntukan tersebut dengan jumlah belia yang mewakili lebih 40% keseluruhan penduduk Malaysia barangkali peruntukan ini tepat seperti kata pepatah kalau ianya tak kena gaya nanti seperti mencurah garam ke laut atau seperti kata pepatah: tarik ke bawah, atas terdedah; tarik ke atas, bawah terdedah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan 1985 terdapat 42% atau 6.6 juta daripada jumlah penduduk Malaysia, di mana seramai 15.8 juta terdiri dari kaum belia berumur antara 15 - 40 tahun. Dari jumlah tersebut kira-kira 2.6 juta atau 40.2% terdiri daripada belia-belia Melayu. Walaupun kita sedar peruntukan ini akan diberi kepada belia-belia yang umurnya sekurang-kurangnya 18 tahun, tetapi kita tahu bahawa umur belia ialah antara 15 - 40 tahun, yang kita kira tanpa apa-apa kelulusan wajar diberi kesempatan untuk menikmati kemudahan di bawah Tabung Pembangunan Belia ini. Oleh itu diharapkan dengan penubuhan Tabung ini pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat membentuk haluan kepada belia lebih 40% daripada penduduk Malaysia ini diharapkan dapat merapatkan belia kita kepada

organisasi belia yang terdapat di Malaysia supaya lebih mudah mengawal dan membimbingkan mereka. Selain dari mewujudkan Belia Peladang dan Belia Niaga diharapkan Kementerian Belia dan Sukan mengkaji terhadap kekurangan minat dan penglibatan belia di dalam organisasi belia di masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Kementerian Belia dan Sukan sedar sejak akhir-akhir ini minat golongan belia terhadap organisasi belia terlalu rendah dan membimbangkan. Penglibatan mereka dalam organisasi belia juga lebih rendah kalau dibandingkan dengan tahun 70an. Di masa itu lebih kurang 70 - 75% belia terlibat dengan gerakan belia, sedangkan di masa ini kalau tidak silap saya 25% jumlah belia yang terlibat dalam pertubuhan beliau. Lebih-lebih lagi belia-belia dari kaum bukan bumiputera. Sangat kecil bilangannya yang terlibat dalam organisasi-organisasi belia pada masa kini, Ini bermakna lebih kurang 50% kaum belia tidak mahu melibatkan diri dalam pertubuhan belia dalam masa 10 tahun kebelakangan ini. Apakah yang menimbulkan fenomena ini dan kenapakah mereka menghilangkan diri, adakah ianya berpunca dari kelemahan organisasi belia atau mereka tidak berminat dengan organisasi yang difikirkan tidak mampu melahirkan generasi yang progresif dan dinamik.

Iniilah perkara-perkara yang harus kita halakan tenaga kita sama ada pihak kita, Kerajaan dan juga parti-parti pembangkang supaya menggerakkan generasi belia, terutama di kalangan bukan bumiputera ataupun bukan Melayu supaya lebih ramai lagi menyertai gerakan belia di tanahair kita ini. Sangatlah memeranjatkan kita bahawa dari jumlah 6.6 juta belia hanya 1.3 juta atau 19.6% sahaja yang menganggotai 24 pertubuhan belia

yang ada di Malaysia. Nyata bilangan ini terlalu kecil dan membimbangkan. Masalah ini harus juga diambil kira supaya minat belia kepada organisasi belia kembali tersemai dan subur kerana bila mereka di dalam persatuan lebih mudah menyalurkan segala bentuk bantuan, di samping itu lebih mudah mengawal mereka dari terlibat dengan segala bentuk perbuatan yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa belia mudah hanyut di bawa oleh arus yang negatif, sama ada ianya merupakan pelarian ke arah perbuatan keji atau terlibat dengan kumpulan-kumpulan yang menyeleweng termasuk juga kumpulan-kumpulan yang menyeleweng dalam konteks keagamaan. Kita sedar hari ini terdapat kumpulan agama yang berdakwah dengan meninggalkan anak isteri, pelajaran, pekerjaan di mana perbuatan begini membazirkan potensi bangsa dan merugikan.

Gerakan ini lebih banyak menyisihkan diri dari masyarakat dan menumpukan kepada beribadah sahaja. Jelas sikap negatif mereka terhadap pembangunan masyarakat dan akan merugikan masyarakat malah merugikan perkembangan dan untuk menegakkan agama terutamanya perkembangan syiar Islam kita sendiri. Kita ingin bertanya apakah langkah bersepadu yang akan diambil bagi mengatasi pelarian belia ke arah kegiatan negatif seperti yang saya sebutkan tadi, sama ada ke arah kebudayaan kuning ataupun kegiatan-kegiatan yang disebutkan tidak menguntungkan pembangunan masyarakat dan negara.

Kita mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya langkah-langkah bersepadu tadi boleh menggerakkan belia-belia kita bukan sahaja dalam pembangunan negara malah menarik minat mereka dalam pertubuhan

politik supaya sama-sama golongan-golongan belia ini lebih positif ke arah pertumbuhan perkembangan bagi membentuk sebuah masyarakat bangsa dan negara yang kuat dan dinamik.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi adalah satu langkah yang sangat dialu-alukan. Lebih-lebih lagi Tabung ini adalah untuk memperindahkan, bukan sahaja pulau-pulau tetapi alam semulajadi yang ada di negara kita bagi tujuan menarik para pelancong. Saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian yang bertanggungjawab kepada Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut ini untuk memberi perhatian sedikit kepada Pantai Timur iaitu negeri Kelantan dan juga Terengganu yang kita kira 2 buah negeri Pantai Timur, termasuk Pahang adalah di antara negeri-negeri yang mempunyai banyak keindahan alam semulajadi untuk para pelancong.

Suka saya menyebutkan sebagai satu contoh di satu tempat di negeri Kelantan, iaitu di Pantai Sri Tujuh adalah salah satu tempat yang begitu popular, tetapi keadaan alam semulajadinya tidak terkawal. Oleh itu saya menyeru dan menyarankan supaya Pantai Sri Tujuh, Tumpat, Kelantan dijadikan salah satu sasaran untuk Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut ini mencurahkan peruntukan bagi tujuan yang telah dijelaskan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan untuk meminda Seksyen 10(4) Bahagian A, Akta Acara Kewangan iaitu Jadual Kedua bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dan Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

4.48 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, usul yang dibentangkan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan merupakan satu usaha Kementerian tersebut yang tidak merangkumi kajian yang lebih mendalam dari segi matlamat, dari segi masalah, dari segi cara-cara untuk mengatasi masalah ini. Sepertimana cara-cara yang digunakan untuk menyelesaikan prestasi sukan termasuk baru-baru ini Sukan SEA walaupun pihak Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan nampaknya puas hati dengan prestasi Sukan SEA baru-baru ini.

Saya kurang yakin bahawa beliau dapat mempertingkatkan prestasi sukan antarabangsa kalau usaha dan rancangan untuk mempertingkatkan prestasi sukan ini tidak dijalankan dengan lebih tepat, lebih betul kerana kalau kita menganalisa prestasi ini kita nampak hanya beberapa individu yang terkemuka yang dapat memungut pingat emas dan sebagainya. Akan tetapi dari segi sepasukan, walaupun berbanding dengan prestasi Sukan SEA yang lepas ada baik sedikit, tetapi jauh daripada prestasi yang diharap-harapkan. Dengan cara yang sama pihak Kementerian Belia dan Sukan berusaha untuk mengatasi masalah beliau ini, sepertimana yang pernah diumumkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia adalah sumber pinjaman kepada beliau yang permohonan mereka untuk meminjam dari bank-bank ditolak kerana kurang berpengalaman. Pinjaman dari kumpulan wang ini adalah bagi projek-projek perniagaan dan pertanian.

Yang Berhormat Menteri pernah mengatakan bahawa syarat-syarat pinjaman akan dikaji semula untuk menentukan sama ada satu sistem baru atau yang lama akan diamalkan. Dengan tertubuhnya Kumpulan Wang Amanah ini, adakah syarat-syarat pinjaman akan diubah atau tetap dikekalkan seperti tersediakala?

Sekiranya syarat-syarat tersediakala dikekalkan, maka keberkesanan Kumpulanwang Amanah ini dalam usaha membangunkan ekonomi belia akan amat terhad, kerana salah satu pra-syarat pinjaman adalah mereka mestilah ahli-ahli Persatuan Belia. Sekarang penglibatan belia dalam persatuan-persatuan amat lembab sekali iaitu dari kira-kira 70%-75% kepada 20% atau dengan lain perkataan pada tempoh masa 10 hingga 20 tahun yang lalu, lebih kurang 50% hingga 55% belia telah meninggalkan berbagai-bagai pergerakan belia.

Sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi hanya 1.3 juta orang atau 19.6% dari jumlah besar 6.6 juta orang belia yang kini menjadi ahli dalam 24 buah Persatuan Belia di seluruh Malaysia.

Saya tidak nampak bagaimana sebahagian besar belia dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak Kementerian untuk mewujudkan tabung-tabung tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dari maklumat yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian, saya nampak dari tahun 1980 hingga 1985, untuk bilangan belia yang melibatkan diri di dalam Rancangan Belia Berniaga dan Rancangan Belia Peladang iaitu, dalam Rancangan Belia Berniaga hanya 924 orang dan di dalam Rancangan Belia Peladang 2,911 orang. Kalau kita menganalisa statistik

Rancangan Belia Berniaga mengikut kaum bagi tahun 1980 hingga 1985 kita dapati:

Kaum Melayu	—	918 orang
Kaum Cina	—	5 orang
Kaum India	—	1 orang
Jumlah ..		<u>924 orang</u>

Jadi soalan yang pokoknya mengapa kaum bukan Melayu hanya 6 sahaja untuk menyertai Rancangan Belia Berniaga, satu soalan yang besar. Dan adakah pihak Kementerian sudah membuat siasatan yang teliti untuk memastikan, untuk mendapat tahu faktor-faktor mengapa hal sedemikian berlaku di dalam Rancangan Belia Berniaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Rancangan Belia Peladang pula komposisi kaum mengikut tahun 1980 hingga 1982 adalah seperti berikut:

Melayu	—	2776 orang
Cina	—	115 orang
India	—	20 orang
Jumlah ..		<u>2911 orang</u>

Jadi bukan Melayu hanya 135 orang sahaja. Apakah sebabnya di dalam dwi rancangan ini yang menimbulkan ketidakseimbangan ini?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri pernah mengatakan bahawa Persatuan-persatuan Belia di bawah kedua-dua Rancangan Belia Berniaga dan Rancangan Belia Peladang masih berhutang sebanyak \$1 juta kepada Kementerian setelah menerima pinjaman-pinjaman darinya. Sungguhpun dikatakan bahawa belia yang bakal meminjam dari Kumpulanwang Amanah ini akan dikehendaki membayar balik pinjaman

mereka terus kepada Kumpulanwang Amanah dan tidak lagi kepada pertubuhan usahawan baru dalam negeri masing-masing, apakah langkah-langkah pencegahan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengesyorkan pembayaran balik hutang kepada Kumpulanwang ini. Walaupun satu usul dibentangkan pada petang ini, tetapi nampaknya daripada pihak Kementerian tidak ada penjelasan mengenai kaedah-kaedah yang diadakan untuk mengutip balik wang yang dihutang ini. Tidak payahlah kita adakan tabung-tabung tersebut sekiranya kebanyakan peminjam tidak dapat membayar balik — satu pembaziran dan pemborosan wang rakyat.

Saya hendak menekankan adalah penting bagi pihak Kementerian untuk memberi latihan ataupun untuk memberi bantuan kepada belia-belia yang benar-benar memerlukan bantuan, tetapi kita hendak adakan kaedah-kaedah yang tertentu yang dapat mengutip balik wang dengan berkesan. Tambahan pula di bawah Rancangan Belia Peladang peserta-pesertanya diberi bantuan kewangan secara subsidi. Adakah ini bermakna bahawa dengan tertubuhnya Kumpulanwang Amanah ini peserta-peserta di bawah rancangan ini juga akan diberi pinjaman? Apabila diberi subsidi, didapati 60% dari projek di bawah rancangan ini tidak dapat diteruskan kerana kebanyakan belia telah mendapat pekerjaan di bandar.

Saya tidak nampak ada kenyataan ataupun sebab-musabab diberi kenapa 60% daripada projek-projek di bawah rancangan tersebut gagal. Ini satu peraturan yang tinggi. Tadi pihak Kementerian tidak memberi penjelasan mengenai kegagalan yang teruk ini.

Saya berharap pihak Kementerian dapat menjawab dengan terus-terang mengapa terdapat kegagalan 60%

projek ini di bawah rancangan tersebut. Tidak payahlah tubuhkan tabung-tabung lagi kalau projek-projek yang gagal ini tidak dapat dikesan, dikenalpasti dan faktor-faktor yang wujud di dalam kegagalan ini tidak diketahui dan langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasi menyelesaikan kegagalan ini tidak diambil. Adakah Kerajaan begitu yakin sekali yang pinjaman-pinjaman di bawah projek-projek pertanian akan di bayar balik sedangkan semasa diberi subsidi rancangan-rancangan yang sama telah gagal.

Berapa lamakah Kerajaan yakin yang peserta-peserta di bawah rancangan ini tidak akan beredar meninggalkan skim mereka sebaik sahaja ekonomi pulih dan peluang-peluang pekerjaan dapat dicari di kawasan-kawasan bandar. Ini satu masalah yang pokok kerana banyak belia ini kalau ia dapat peluang untuk berhijrah ke bandar akan meninggalkan skim-skim yang telah ditetapkan di luar bandar dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah seperti ini.

Saya tidak nampak pihak Timbalan Menteri dapat menjelaskan, dapat memberi maklumat kepada Dewan yang mulia ini, masalah-masalah yang telah saya sebutkan tadi. Bagi Rancangan Belia Peladang, dahulu dikatakan hanya mereka yang berminat dalam bidang pertanian sebagai bidang kerjaya sahaja akan dibenarkan menyertai skim ini.

Nampaknya dari kegagalan 60% itu bolehlah dikatakan Kementerian tetap tidak berjaya untuk menyingkir yang hanya mengambil kesempatan semasa dari yang benar-benar berminat. Apakah garis panduan yang digunakan oleh pihak Kementerian? Apakah kriteria yang digunakan oleh pihak Kementerian untuk menyingkir belia-belia yang hanya mengambil

kesempatan semasa dari belia-belia yang benar-benar berminat untuk menjayakan skim-skim tersebut?

Bagaimanakah Kerajaan dapat menjamin, cara pemilihan peserta yang akan diperbaiki untuk meningkatkan lagi tahap pencapaian rancangan-rancangan di bawah skim ini.

Adalah diketahui bahawa semenjak pelancaran Rancangan Belia Berniaga hingga tahun 1986, sebanyak \$25 juta telah dilaburkan ke dalam rancangan tersebut termasuk Rancangan Peniaga Kecil. Dalam Rancangan Malaysia Kelima kira-kira \$26 juta dilaburkan ke dalam skim belia dan ini tidak mengambil kira wang yang diperuntukkan untuk pusat-pusat latihan belia. Bagi Rancangan Malaysia Keempat, nilai peruntukan adalah \$21.95 juta.

Di samping ini Negeri Kelantan melabur sebanyak \$2.7 juta pinjaman ke dalam 335 projek perniagaan belia dan 166 dalam Rancangan Belia Berniaga, Negeri Johor \$2.4 juta kepada 247 projek, Negeri Terengganu \$2.2 juta dengan 198 projek. Begitu juga dengan lain-lain negeri seperti Melaka, Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak dan sebagainya.

Dengan adanya Kumpulan Wang Amanah ini maka peruntukan untuk pembangunan ekonomi belia akan meningkat dengan banyak sekali. Oleh itu ia amat penting untuk mengesyorkan yang Kumpulan Wang ini akan diuruskan dengan penuh bertanggungjawab kewangan dan prestasi.

Akhir sekali saya hendak menekankan bahawa pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat menggariskan dengan lebih tepat apakah matlamat-matlamat mengenai Tabung-tabung ini. Walaupun disebutkan oleh Yang Berhormat tadi

mengenai usaha untuk mewujudkan belia yang benar-benar berdikari, itu satu usaha yang baik kalau ia dapat dijalankan dengan berkesan.

Tetapi matlamat-matlamat yang tepat hendaklah dikemukakan dan juga masalah mengenai belia dari segi perniagaan dan perladangan ini dapat dikenalpasti dan juga cara-cara untuk menyelesaikannya. Dari segi ini saya berharap dalam tempoh 6 bulan ataupun satu tahun ini pihak Kementerian dapat menyelesaikan satu kajian yang menyeluruh untuk menyiasat dengan teliti faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan 60% skim yang telah saya sebutkan tadi kerana kalau tidak ada kajian yang sedemikian, saya tidak nampak bagaimana dengan tertubuhnya tabung-tabung tersebut, belia-belia yang memerlukan pinjaman ini dapat dikesan, dapat menerima pinjaman dan menggunakan pinjaman ini dengan cara yang betul, dengan tujuan untuk mendapatkan kejayaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

6.05 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Kumpulanwang Amanah Kerajaan yang ada ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan bagi maksud amanah yang tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Acara Kewangan sekarang, kalau saya tidak silap — saya pun tidak tahu berapakah kumpulanwang di bawah peruntukan ini, mungkin ada lebih kurang 50 kumpulanwang berjumlah dekat \$1,500 juta. Saya rasa, apabila Kerajaan datang ke Dewan ini untuk meminda lagi atau untuk menambah akaun-akaun yang baru, perlulah satu perakaunan dibuat mengenai prestasi Kumpulanwang di bawah Akta tersebut.

Satu perkara yang saya mahu bangkitkan di sini ialah saya harap bahawa pihak Kerajaan boleh menimbang pada masa yang akan datang apabila hendak kemukakan pindaan kepada Akta Acara Kewangan untuk menambah butiran-butiran baru boleh menimbang mengadakan atau menubuh satu kumpulanwang Pak Sako sebagai satu pengiktirafan oleh Kerajaan kepada perkhidmatan Pak Sako kepada negara kita dalam bidang politik, kesusasteraan dan kewartawanan.

Saya tahu di bawah Akta Acara Kewangan ini adalah satu kumpulanwang untuk maksud semacam ini oleh kerana ada tujuan-tujuan yang miscellaneous. Saya rasa Pak Sako ialah seorang tokoh Malaysia yang patutlah diberi pengiktirafan oleh masyarakat kita dengan satu kumpulanwang di mana satu kumpulanwang boleh ditubuhkan dengan peruntukan pada permulaannya mungkin \$500,000 dan digunakan untuk dilaburkan.....

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: On a point of order 36 (1)—seorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja. Saya nampak perkara yang hendak kita bincangkan hari ini iaitu mengenai dengan Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia, tetapi dia pergi sogok pula, tanggung pula tentang Pak Sako. Apa kena mengena ini. Tidak ada kena mengena.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah mengenai.....

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ini point of order.

Tuan Lim Kit Siang:.....pindaan kepada Seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Betullah.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu meminda pun boleh.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Ini pandangan mengenai apa-apa yang patut lagi dipinda. Ini general debate.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tetapi kita spesifik kepada Kumpulan Amanah Pembangunan Ekonomi Belia.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu buang masa. Saya fikir terpolang kepada Speakerlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tidak payahlah. Biar dia.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak betul ini.

Tuan Lim Kit Siang: Satu kumpulanwang boleh diadakan dengan \$500,000 yang boleh dilaburkan dan pendapatan yang dihasilkan boleh digunakan bagi membiayai bayaran elaun kepada Pak Sako. Saya rasa ini satu tanda yang patut kita buat sebagai penghormatan kepada seorang yang ada memberi sumbangan dan pengorbanan kepada negara kita. Ahli Yang Berhormat dari Marang patut sokong saya dan bukan membantah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu kenapa dia begitu memusuhi Pak Sako.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.....

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memusuhi Pak Sako, Pak Sako itu geng baik saya, tetapi ini tidak ada kena mengena dengan tajuk yang kita bincangkan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta jelasankah?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, saya minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Apa penjelasan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Apa yang hendak dikaitkan dengan Pak Sako ini?

Tuan Lim Kit Siang: Buang masa sahaja.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Apa buang masa, saudara yang buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dari Tanjong, dia minta penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Apa kaitan Pak Sako dengan tajuk yang kita bincangkan sekarang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu habis sebelum pukul 6.30.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Biarlah habis, tetapi itu tidak kena mengena dengan tajuk yang kita bincang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau mahu jawab nanti.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ini point of order — 36 (1). Ini bukan sahaja penjelasan. Point of order 36 (1), halaman 41, bacalah sedikit buku buku ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua sudah buat ruling bukan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ini bukan soal ruling, ini soal point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang, saya sudah buat ruling. Teruskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ruling macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Terima Kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong, sudahlah, lain point ada?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya haraplah bahawa pihak Kerajaan boleh ambil ingatan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia, saya haraplah bahawa ini boleh menjadi satu usaha Kerajaan supaya bukan sahaja memberi peluang-peluang pembangunan ekonomi kepada belia-belia kita yang sekarang menghadapi masalah yang begitu rumit oleh kerana penggangguran yang tidak pernah dialami dalam negara kita lebih daripada setengah juta. Saya haraplah

bahawa Kumpulan Wang Amanah ini boleh diuruskan dengan bertanggungjawab, yang beramanah dan cekap, dan lebih mustahaknya bahawa ia tidak menjadi satu alat untuk memecah-belahkan pemuda pemudi kita. Dan sangat mustahak bahawa oleh kerana Kumpulan Wang Amanah ini di bawah tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan, saya harap ini boleh dijalankan, diuruskan dengan bertanggungjawab bahawa tidak ada apa-apa pilih kasih, tidak ada apa-apa diskriminasi oleh kerana kalau ada tentulah Kumpulan Wang Amanah ini tidak akan menjadi satu unsur untuk menyatu-padukan semua rakyat jelata, khususnya kalangan pemuda pemudi negara kita. Ini mustahak. Oleh kerana kalau pemuda pemudi kita dipecah-belahkan tentulah Kumpulan Wang Amanah ini tidak berguna.

Di sini saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu contoh yang baik, khususnya ia seorang pemimpin pemuda pemudi di seluruh negara, bukan sahaja UMNO Youth dan beliau patut berlagak sebagai pemimpin untuk semua belia di tanah air kita dan bukan untuk satu kaum sahaja. Itu mustahak. Oleh kerana kelakuannya baru-baru ini sangat menyakiti hati.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak payahlah itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu mustahak, oleh kerana kita ada dengar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Hadkan kepada.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan boleh menjadi influence yang baik khususnya kepada UMNO Youth. Saya dengar mahu diadakan satu rapat raksaksa pada 17 haribulan. Apa mahu? Wang

konfrantasi, itu tidak baik. Kalau buat begitu tidak guna ada Kumpulan Wang Amanah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Buat point lain Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: 36 (9), point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah sebut Yang Berhormat. Itu tidak relevant.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya rasa mengarut betul!

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap bahawa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan dengan point Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bahawa tujuan Kumpulan Wang Amanah ini tidak akan ditidakkan oleh kerana apa yang akan berlaku dalam negara kita di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri sendiri, itu mustahak. Dan seruan saya ialah bahawa satu tauladan yang baik boleh dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang menunjukkan beliau pemimpin untuk semua belia dan bukan satu kaum atau satu parti sahaja. Kalau tidak, apa guna kita adakan Kumpulan Wang Amanah ini, oleh kerana kalau Menterinya dilihat sebagai seorang pemimpin untuk satu kaum sahaja, khususnya dengan aktiviti-aktiviti rapat umum 17 haribulan ini.....

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap ambil lagi ingatan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua, 36 (9).

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
"Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa ahli-ahli Parlimen.....".

Tuan Lim Kit Siang: Apa point of order?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
36 (9).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 36 (1) yang lebih sesuai, Yang Berhormat (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya bersetuju.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya bersetuju 36 (1).

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Saya tahu 36 (1). Saya mahu 36 (9).

Tuan Lim Kit Siang: Itu point sungguhpun ada satu ruling, saya harap boleh mendapat satu perhatian yang mendalam. Itu mustahak. Kalau tidak, perbahasan itu pun tidak berguna, bukan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

6.14 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian membincangkan masalah cadangan yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan mengenai dengan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia. Saya rasa cadangan ini sungguh baik dan berfaedah.

Sebelum daripada itu, sukalah saya menarik perhatian bahawa belia-belia merupakan tonggak negara, pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara dan sebagaimana yang telah kita maklumi bahawa angka belia ini merupakan satu angka yang besar, hari ini hampir-hampir 7 juta. Apabila kita bercakap mengenai dengan belia maka tergambarlah kepada kita bahawa golongan inilah yang membawa banyak masalah.....

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rasah bangun. Minta apa, Yang Berhormat?

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Adakah patut Ahli Yang Berhormat dari Marang, adakah dia hormat Dewan ini apabila dalam Dewan dia memakai kaca mata gelap atau hitam? (*Ketawa*). Adakah matanya sakit atau tidak, ini biadap. Oleh itu, buat satu ruling. Kalau mata benar-benar rosak, pakailah benar-benar kaca mata yang betul bukan hitam macam Mafia (*Ketawa*). Saya takut. Kita tidak mahu Mafia dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, buat satu ruling.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pakaian dan janggutnya lagi biadap.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak melanggar Peraturan, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dia hendak kacau sahaja itu. Dia tidak ada point, DAP macam itulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, jadi apabila kita memikirkan masalah yang agak serius, masalah sosial yang agak ketara, ramai dari kalangan mereka yang tidak bekerja, maka sudah semestinyalah satu Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia bagi memastikan belia dapat berdikari dan matlamat terakhir melahirkan belia-belia yang berkeupayaan di dalam ekonomi di masa hadapan.

Sukalah saya mengatakan dan menjelaskan bahawa sebelum kita meluluskan cadangan ini. Sebelum kita bersetuju dengannya maka ada perkara-perkara yang perlu kita ambil perhatian, terutamanya mengenai masalah peruntukan. Saya kira peruntukan yang cuba hendak diberikan sebanyak \$3 juta itu adalah sangat sedikit. Kalau di bahagi-bahagikan mengikut kawasan Parlimen, kata Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi dalam kadar \$16,000 lebih sahaja ataupun kita letaklah \$17,000 sahaja. Kalau kita bahagi-bahagikan dengan kehendak serta kepentingan belia, saya kira ianya terlalu sedikit dan kalaulah sedikit ianya tidaklah boleh 8 kita jadikan satu peruntukan yang memuaskan dan tidak ke mana sifatnya.

Saya bimbang peruntukan yang kecil ini tidak lebih daripada untuk menjelaskan bahawa kita mempunyai satu tabung kewangan tetapi dari segi praktik, dari segi keadaan sebenarnya kita mungkin satu hari nanti tidak mampu melayani kehendak-kehendak para belia. Jadi, saya kira peruntukan ini walaupun manis pada cadangan tetapi keadaan pelaksanaannya saya kira menyusahkan, terutama Wakil Rakyat mana satu hendak diberi, menyusahkan belia itu juga kalau terlalu sedikit cadangan projeknya, kehendaknya agak besar, ia juga tidak menjadi ke mana, menyusahkan juga kerana ia merata sifatnya, mungkin sebahagian belia kita dapat tunaikan

tetapi sebahagian belia lagi tidak dapat tunaikan. Tetapi kalau dikatakan \$3 juta untuk itu diagihkan bagi tahun ini, kita mungkin boleh terima tetapi kalau untuk tahun akan datang saya kira peruntukan ini perlulah dilihat dan digalakkan dengan lebih banyak lagi. Kalaulah kita ambil seorang belia berkehendakkan bantuan \$2,000 kalaulah belia itu 7 juta maka kita kira ia berkehendakkan satu bentuk tabung yang banyak, lebihkurang \$1.4 bilion. Jadi, angka ini mestilah digalakkan dan ditingkatkan. Oleh itu, sebelum Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini hendak diluluskan, masalah peruntukan mesti diambil kira dan mesti direncanakan betul-betul supaya masalah pembahagian, masalah kesamarataan mestilah dilihat sebagai masalah yang mesti kita laksanakan segera.

Perkara yang kedua, saya juga tertarik hati iaitu cadangan umur yang hendak diberi adalah kepada belia antara 18 hingga 30 tahun. Bagaimana dengan belia-belia yang lain yang 15 tahun, yang 30 tahun ke atas, yang kurang daripada 40 tahun, mereka juga belia. Tidak bermakna dinamakan mereka itu belia kalau sekiranya hak mereka, hak untuk mengambil duit itu hak untuk berniaga tidak diberi kesempatan. Saya kira kalau kita hadkan kepada 30 tahun sudah barang tentu belia-belia yang mempunyai umurnya lebih daripada itu tidak merasakan dirinya belia dan masalah ini akan menjadi masalah yang terganggu-gugat di peringkat belia negeri, di peringkat belia cawangan, di peringkat kawasan dan ini merupakan persoalan yang ada hubungkaitnya dengan takrif belia itu sendiri dan ia boleh mengancam dari segi hak belia itu sendiri. Jadi, saya kira perlulah diluaskan sehingga ke umur belia itu 40 tahun, sesuai juga dengan nama mana-mana pertubuhan, mana-mana organisasi belia di negara ini sendiri.

Yang lain, saya inginlah memberi pandangan juga. Tadi dinyatakan bahawa mestilah diluluskan kepada SPM yang ke bawah. Bagaimana dengan belia yang atas daripada SPM, bagaimana dengan yang HSC, bagaimana dengan yang kolej, bagaimana dengan yang universiti? Mereka juga dianggap sebahagian belia dan kalau kita hadkan kepada SPM, apakah mereka ini yang lulus atas daripada SPM itu hendak dibawa ke mana? Mereka juga mungkin mempunyai diploma, mungkin mempunyai kelulusan yang baik lebih daripada SPM, mungkin juga mempunyai potensi, mungkin juga mempunyai keupayaan yang lebih baik dalam bidang perniagaan, dalam bidang pembangunan belia. Tetapi kalau sekiranya mereka tidak diberi kesempatan, bukan sahaja merupakan satu hal yang tidak adil tetapi juga menampak dan menjelaskan bahawa soal kelulusan dia, soal kelayakan dia, soal wibawa dia, kita tidak ambil kira.

Jadi, saya kira untuk dikelaskan kepada SPM, ertinya kita menganaktiri yang lain dan sekaligus kita membelahbahagikan belia ke dalam kategori-kategori yang tertentu. Kita bimbang apabila soal ini dilaksanakan, belia akan berpecah, perpaduan semakin longgar, keutuhan nasional kita semakin bergoyang. Jadi, kira kira perlulah soal kelulusan ini jangan dijadikan sebagai satu syarat di dalam memberikan wang ataupun bantuan daripada tabung yang hendak kita tubuhkan itu sendiri.

Selain daripada itu juga, Tuan Yang di-Pertua, perlulah kita melihat bahawa apabila kita memberikan bantuan ini perlulah ada susulan dari segi latihan supaya belia-belia ini bukan sahaja mengambil wang, tetapi juga dia akan dapat mengambil khidmat dan nasihat. Perlulah ada sokongan dan bimbingan yang lain supaya kita tidak gagal lagi. Saya

bersetuju sedikit dengan DAP hari ini, saudara Yang Berhormat kita, iaitu kebanyakan 60% gagal. Ini mungkin disebabkan susulan latihan secara amalan dan praktikalnya kita tak dapat berikan tumpuan yang lebih ghairah. Kita mungkin mampu dari segi memberikan bantuan, dari segi mengeluarkan wang, tetapi dari segi latihan kita tak ekori. Jadi, perlulah kita berikan pengamatan yang lebih dalam soal ini.

Saya juga suka menarik perhatian tadi dinyatakan bahawa tujuannya adalah untuk mengeluarkan kepada belia niaga, untuk belia peladang, untuk peniaga kecil dan sebagainya. Saya kira ini juga merupakan satu masalah kerana ia tidak akan dapat menyelesaikan masalah belia dari segi yang lain-lain. Sebagai contoh, dari segi penempatan, dari segi perumahan ataupun dari segi yang seumpamanya. Jadi, kalaulah ini sahaja kita tumpukan maka perlulah kepada permasalahan kesejahteraan belia diambil kira ataupun diberi keutamaan juga.

Kemudian, apabila kita melihat bantuan belia pada masa-masa dahulu, iaitu dari segi projek belia niaga ataupun projek belia peladang yang kita beri bantuan itu gagal ataupun menimbulkan ketidakjayaan, kita mahu supaya Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini mempunyai satu cara yang berlainan, yang berbeza dengan konsep-konsep yang telah lama kita jalankan. Kalau ia agaknya sama; dari segi persediaannya sama, dari segi caranya sama, dari segi konsepnya sama, cuma sekadar namanya sahaja berlainan, saya kira ia tidak akan membawa erti ataupun membawa makna yang lebih. Jadi, kajian perancangan yang lebih teliti, yang lebih matang berdasarkan pengalaman-pengalaman lalu perlulah dibuat mulai daripada sekarang

sebelum kita melaksanakan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia ini sendiri.

Selain daripada itu juga, saya nampak cadangan ini baik kerana apabila cadangan ini berjaya saya kira ramai di antara belia yang akan merasai nikmatnya. Hari ini para belia yang menceburi ataupun yang terlibat dalam gerakan-gerakan belia adalah tidak ramai. Dari pada lebih kurang 7 juta orang yang terlibat dalam gerakan-gerakan belia, tak sampai pun 2 juta. Ini mungkin mereka merasakan cebur kelab belia ini sebagai satu kelab sosial sahaja, dia tak nampak dari segi kekuatan ataupun keuntungan dari segi ekonomi.

Jadi, dengan adanya galakan-galakan yang lebih intensif dan tidak melepaskan sekadar batuk di tangga sahaja dengan membuktikan kejayaan-kejayaan daripada pihak kita sendiri, perancangan lebih kukuh, saya kira orang yang akan terlibat dalam gerakan-gerakan belia ini akan meningkat dari masa ke semasa dan gerakan keterlibatan belia di dalam persatuan ini saya kira sangat penting kerana sekaligus ia akan mematikan gerakan-gerakan sampah masyarakat, gerakan kutu-kutu masyarakat, gerakan-gerakan yang tak berfaedah. Ini boleh kita larikan mereka daripada gerakan-gerakan yang tidak berfaedah itu kepada gerakan-gerakan yang berfaedah apabila kita dapat membuktikan bahawa masuk persatuan belia ini akan memberikan sumbangan ekonomi, tetapi dalam masa yang sama kita bimbang peruntukan yang sedikit, ia akan membawa bala bencana dari segi keadilan ataupun ia tidak akan membawa ke mana kerana kekurangan modal yang cukup atau ia tidak akan membawa ke mana kerana ianya terlalu sedikit untuk diagih-agihkan kepada pembesaran projek yang akan datang. Jadi, saya kira dalam soal ini perlulah dikaji balik, walaupun cadangan ini baik tetapi dari

segi umur, dari segi kelulusan dan juga dari segi bantuan perlulah dilihat semula.

Satu lagi saya ingin memberikan pandangan, iaitu mengenai dengan Tabung Amanah Taman Laut dan juga Rezab Laut. Saya kira cadangan ini adalah satu cadangan yang baik dan sudah sampai masanya laut kita yang mempunyai pulau-pulau yang indah, yang mempunyai hasil-hasil laut yang banyak seperti pulau-pulau di Lautan China Selatan yang mana merupakan salah satu daripada 10 pulau yang terbaik, seperti Pulau Perhentian ataupun Pulau Redang di Besut perlulah diberikan keutamaan dari segi penjagaan dan pemeliharaannya. Kita nampak selama ini kebanyakan daripada pulau-pulau di Malaysia agak terbiar sedikit dari segi pemeliharaan dan penjagaannya. Jadi, dengan adanya Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut ini ia bukan sahaja akan dapat menarik pelancongan, menambahkan kecantikan, memberikan kemudahan penggambaran, memberikan kemudahan penyelidikan, memberikan kemudahan-kemudahan yang lain, tetapi juga ia akan dapat memberikan yang baik terhadap hasil-hasil laut dan juga penyelidikan yang intensif kepada kemajuan dalam konteks perikanan negara kita ini sendiri.

Di samping itu juga, saya ingin mengingatkan bahawa dalam usaha kita untuk memelihara alam semula jadi ini, dalam usaha kita untuk mencantikkan keadaan-keadaan yang ada ini janganlah pula kita tertarik kepada unsur-unsur budaya yang tidak sihat, budaya-budaya luar daripada budaya-budaya barat yang tidak sihat, tetapi. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh disambung esok.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Sedikit lagi — dua second lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak ada masa.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Jadi, dengan itu saya kira sudah cukup dan saya ucapkan terima kasih — esok saya tak perlu sambung. Terima Kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Terima kasih, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini di tangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.